

Laporan Hak Asasi Manusia 2010: Malaysia

Biro Demokrasi, Hak Asasi Manusia, dan Buruh

Laporan Amalan Hak Asasi Manusia Negara Malaysia 2010

8 April 2011

Malaysia adalah negara beraja berperlembagaan dengan jumlah penduduk sekitar 28.3 juta. Ia memiliki sistem parlimen kerajaan yang diketuai oleh seorang perdana menteri yang dipilih melalui pilihan raya berbilang parti yang diadakan secara berkala. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) bersama dengan perikatan parti politik yang dikenali sebagai Barisan Nasional (BN) telah berkuasa sejak kemerdekaan pada tahun 1957. Pilihan raya umum terbaru pada bulan Mac 2008 telah berjalan secara umumnya dengan telus dan menyaksikan peningkatan ketara parti pembangkang. Pada bulan April 2009 Najib Razak telah mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri. Pasukan keselamatan melapor diri kepada pihak berkuasa awam.

Wujud beberapa halangan yang menghalang parti-parti pembangkang daripada bersaing secara adil dengan parti pemerintah. Masalah hak asasi manusia yang lain termasuk: beberapa kematian yang berlaku semasa tangkapan polis dan ketika dalam tahanan polis, penganiayaan tahanan oleh polis; pusat-pusat tahanan imigresen (PTI) yang penuh sesak, penangkapan dan penahanan sewenang-wenangnya menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan tiga undang-undang lain yang membenarkan penahanan tanpa pengadilan; dan persoalan berterusan tentang keadilan dan kebebasan sistem kehakiman. Kerajaan meneruskan tuduhan liwat untuk menghukum seorang tokoh pembangkang terkemuka. Mahkamah jenayah dan syariah menggunakan rotan sebagai satu bentuk hukuman. Kerajaan terus menyekat kebebasan akhbar, berpersatuan, berkumpul, bercakap, dan beragama. Pemerdagangan orang kekal menjadi satu masalah yang serius. Dasar kerajaan yang sudah berjalan lama memberikan keutamaan kepada bangsa Melayu di banyak bidang. Seseengah majikan mengeksploitasi pekerja migran dan bangsa India-Malaysia melalui kerja paksa. Beberapa insiden melibatkan buruh kanak-kanak berlaku di ladang-ladang.

PENGHORMATAN TERHADAP HAK ASASI MANUSIA

Bahagian 1 Penghormatan terhadap Integriti Seseorang, Termasuk Kebebasan Daripada:

a. Pengambilan Nyawa Sewenang-wenang atau yang Menyalahi Undang-undang

Kerajaan atau ejen-ejenya tidak melakukan sebarang pembunuhan yang bermotif politik. Namun, media tempatan melaporkan polis telah membunuh 35 orang semasa menahan mereka, menurun daripada 108 pembunuhan seperti pada tahun 2009. Media cetak yang dipengaruhi kerajaan menggunakan pengisahan yang konsisten untuk menggambarkan pertembungan ini - suspek diberhentikan oleh pihak polis, suspek cuba menyerang polis, polis membunuh suspek atas alasan membela diri; bukti kegiatan jenayah ditemui bersama suspek. Kumpulan hak asasi manusia tempatan mengatakan alasan ini digunakan untuk mewajarkan kematian dalam tahanan polis yang kebiasaannya berlaku di kalangan etnik minoriti.

Pada 9 April, polis telah menembak dan membunuh dua adik beradik berbangsa India, R. Logeswaran dan R. Satchithanathan. Polis dilaporkan melihat mereka terlibat dalam kegiatan yang mencurigakan dan cuba untuk menghentikan kereta mereka. Polis melaporkan bahawa dua adik beradik itu cuba untuk melanggar anggota polis dengan kereta mereka dan kemudian melepaskan tembakan dan ini memaksa polis untuk membalas tembakan atas alasan mempertahankan diri. Polis mendakwa menemui banyak senjata di dalam kereta tersebut dan kedua-dua beradik itu bertanggungjawab atas beberapa rompakan bersenjata. Kumpulan hak asasi bangsa India mengkritik tembakan itu sebagai contoh dasar “tembak untuk membunuh” polis. Tidak ada siasatan diketahui telah dijalankan berkenaan isu tersebut.

Pada 26 Mei, polis menembak dan membunuh Aminulrasyid Amzah, seorang remaja lelaki 15 tahun berbangsa Melayu yang cuba ditahan oleh pihak polis kerana disyaki terlibat dalam kegiatan yang mencurigakan. Polis mendakwa bahawa selepas adengan kejar mengejar kereta yang dipandu laju, Aminulrasyid mengundurkan keretanya dan cuba melanggar pegawai polis apabila mereka mengeluarkan senjata mereka dan menembak. Kutukan terhadap kejadian tembakan itu datang daripada semua lapisan masyarakat. Pegawai kanan kerajaan termasuk Perdana Menteri, menggesa kerjasama penuh polis ke atas penyiasatan. Pembunuhan dilaporkan membawa kepada semakan prosedur standard operasi polis yang berkaitan dengan penggunaan senjata api yang boleh menyebabkan kematian. Pada 4 Mei, kerajaan telah mewujudkan satu panel yang terdiri daripada lapan orang untuk memantau siasatan polis. Pada 10 Mei, Koperal Jenain Subi menghadapi tuduhan menyebabkan kematian tanpa niat membunuh untuk tembakan tersebut. Pada 3 September, panel khas mendapati bahawa siasatan adalah adil dan telus. Perbicaraan bermula pada 12 Oktober dan masih berlanjutan pada akhir tahun laporan.

Pada 3 November, polis menembak dan membunuh Muhammad Hanafi Omar, 22, Mohd Shamil Hafiz Shafie, 16, dan Mohd Khairul Nizam Tuah, 20, selepas mereka bertiga didakwa merompak sebuah stesen minyak di Selangor. Menurut polis, mereka bertiga adalah sebahagian daripada geng penjenayah yang telah merompak tiga stesen minyak pada hari-hari yang membawa kepada penembakan itu. Polis dilaporkan menembak dan membunuh mereka untuk mempertahankan diri setelah mereka cuba menyerang polis dengan parang. Pada 17 Januari, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) hak asasi manusia SUARAM (Suara Rakyat Malaysia) secara terbuka mempersoalkan kewajaran tindakan polis. Pada 21 November, keluarga para pemuda yang mati mengemukakan aduan terhadap polis dengan mendakwa tembakan itu sama seperti pelaksanaan hukuman mati. Tidak ada perkembangan lebih lanjut diketahui pada tahun laporan.

Perbicaraan konstabel polis Navindran Vivekanandan kerana menyebabkan cedera parah dalam kes kematian Kugan Ananthan, seorang etnik India yang berada dalam tahanan polis pada bulan Januari 2009, masih berjalan sehingga akhir tahun. Pada 14 Ogos, ibu Kugan, N. Indra, mengemukakan petisyen kepada Yang Dipertuan Agung untuk campur tangan dalam kes jenayah ini, dan mendakwa bahawa bukti melibatkan individu tambahan, walaupun kerajaan hanya mendakwa seorang pegawai.

Inkues terhadap kematian Teoh Beng Hock pada Julai 2009, seorang pembantu politik kepada ahli Dewan Undangan Negeri Selangor diteruskankan pada akhir tahun. Pada 11 Ogos, Jabatan Peguam Negara cuma memperkenalkan bahan bukti yang dipanggil nota bunuh diri. Pengkritik menyuarakan kebimbangan sebab kelewatan pendedahan itu dan mempersoalkan keaslian nota tersebut. Keluarga Teoh menegaskan bahawa nota mengandungi banyak percanggahan dan tidak padan dengan tulisan tangan Teoh.

Pada 25 Oktober, inkuies terhadap kematian R. Gunasegaran dalam tahanan polis pada Julai 2009 berakhir. Koroner mendapati bahawa punca kematian dalam kes Gunasegaran tidak boleh dibuktikan secara menyakinkan.

Tidak ada perkembangan yang diketahui mengenai kes tembakan polis terhadap lima pemuda berbangsa India yang berumur 17-24 tahun pada November 2009.

Tindakan guaman sivil RM100 juta yang diambil oleh bapa mangsa pembunuhan tahun 2006, Altantuya Shaaribu, terhadap kerajaan, penganalisis politik Razak Baginda, dan dua pegawai polis yang disabitkan bersalah atas pembunuhan berterusan pada akhir tahun.

Pada 30 Jun, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memerintahkan kerajaan dan polis membayar RM1.4 juta kepada Suzana Mohamad Aris, yang suaminya, Mohamad Anuar Sharip, dipercayai dipukul sampai mati ketika berada dalam tahanan polis pada tahun 1999. Hakim Lee Swee Seng berkata, “Biarkan mesej keluar dari tempat ini agar jangan ada lagi kematian dalam tahanan polis. Hak asasi manusia yang asas bagi seorang tahanan untuk mendapatkan rawatan perubatan harus segera dipenuhi. Seharusnya tidak ada kehilangan nyawa dalam tahanan polis kerana setiap nyawa itu adalah sangat berharga.”

b. Orang yang Hilang

Tidak ada laporan tentang kehilangan orang bermotif politik.

c. Seksaan dan Layanan atau Hukuman Kejam, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah

Tidak ada undang-undang khusus yang melarang seksaan. Namun undang-undang melarang “melakukan kecederaan parah” yang merangkumi penyiksaan. Walaupun terdapat beberapa tuduhan pemukulan dan penganiayaan oleh Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) yang bukan profesional dan pegawai imigresen di PTI, tuduhan-tuduhan seperti itu telah berkurangan dengan banyaknya. PTI terus dikendalikan oleh Jabatan Imigresen dan disokong oleh RELA.

Pada bulan Januari kerajaan mendakwa N. Tharmendran, seorang bekas sarjan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), atas kecurian dua enjin jet pejuang TUDM. Pada 17 Jun, N. Nagarajah mengemukakan laporan polis atas pihak anaknya, N. Tharmendran, dan menuduh bahawa anaknya telah diseksa untuk mengaku melakukan jenayah ketika dalam tahanan tentera. Tharmendran mendakwa pegawai perisikan tentera menahan dan menyeksanya selama tiga minggu. Dia mendakwa lagi bahawa pegawai-pegawai tentera memaksa dia memakai helmet sambil mereka memukul kepalanya dengan kayu golf dan pemukul bola kriket; bahawa seluar dia dilondihkan sehingga nampak seluar dalam dan dipaksa untuk berdiri di atas ketulan ais; diancam dengan kematian, dan kekurangan tidur. Tharmendran mengemukakan petisyen untuk pemeriksaan balas mereka yang didakwa menyerangnya semasa kes siasatan jenayahnya. Kedua-dua kes jenayah terhadap Tharmendran dan tindakan lanjut laporan polisnya masih berterusan pada akhir tahun.

Tidak ada perkembangan dalam kes Januari 2009 yang mendakwa bahawa tujuh pegawai polis melakukan “intimidasi jenayah” dan “secara sukarela menyebabkan kecederaan untuk memaksa pengakuan” terhadap B. Prabakar.

Pada 12 Mac, SUARAM mengeluarkan kenyataan akhbar mengatakan empat pemuda usia 15 hingga 20 tahun, ditahan kerana memiliki basikal curi, telah “diseksa secara fizikal dan mental oleh pihak polis selama keseluruhan tempoh penahanan mereka.”

Tidak ada perkembangan yang diketahui pada tahun itu tentang kes seorang tahanan warga Pakistan yang dipukul oleh pegawai imigresen di PTI Lenggeng pada tahun 2008.

Pada masa lalu, mereka yang ditahan di bawah ISA umumnya dipukul, mengalami penyiksaan fizikal dan mental, dan layanan buruk lain. Misalnya menurut Amnesty International, Sanjeev Kumar ditahan di bawah ISA pada tahun 2007, ketika dibebaskan pada tahun 2008 dia lumpuh dan secara mental tidak stabil akibat daripada dipukul. Namun, NGO tempatan melaporkan bahawa layanan terhadap para tahanan ISA telah bertambah baik dalam beberapa tahun kebelakangan ini, dan tidak ada laporan tentang layanan buruk sepanjang tahun laporan dibuat.

Undang-undang jenayah menetapkan rotan sebagai hukuman tambahan selain penjara untuk mereka yang disabitkan dengan beberapa jenayah bukan keganasan, seperti pemilikan dadah, jenayah pecah amanah, dan penyeludupan warga asing. Undang-undang menetapkan sehingga enam kali sebatan masing-masing bagi pendatang haram dan majikan mereka. Hakim secara rutin memasukkan rotan dalam hukuman bagi mereka yang disabitkan untuk jenayah seperti culik, rogol, dan rompakan. Hukuman rotan dilaksanakan dengan kayu rotan setengah inci tebal yang boleh menyebabkan bekas dan parut. Undang-undang mengecualikan orang tua lebih 50 tahun dan semua wanita daripada hukuman rotan. Kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun dan ke atas boleh dirotan 10 kali dengan “rotan yang ringan.”

Undang-undang syariah di beberapa negeri juga menggunakan hukuman rotan. Walaupun undang-undang persekutuan mengecualikan semua wanita daripada hukuman rotan, tidak ada pengecualian untuk wanita di bawah undang-undang syariah dan mahkamah belum menyelesaikan masalah yang melibatkan konflik antara perlembagaan, kanun keseksaan, dan undang-undang syariah. Dalam hukuman rotan syariah, rotan yang lebih kecil digunakan, dan pegawai yang merotan tidak boleh mengangkat rotan melebihi bahunya, untuk mengurangkan kesan pukulan. Selain itu, subjek yang dirotan ditutupi sepenuhnya dengan jubah agar rotan tidak akan menyentuh mana-mana bahagian kulitnya. Pegawai agama Islam mendakwa hukuman ini bertujuan bukan untuk melukai tapi agar pelaku dosa merasa malu dan bertaubat dan tidak mengulangi perbuatan itu.

Pada 17 Februari, Kementerian Dalam Negeri mengumumkan bahawa tiga orang wanita Islam dan empat orang lelaki Islam didapati bersalah melakukan zina di bawah undang-undang syariah telah disebat pada 9 Februari. Hukuman sebat untuk pesalah wanita dibuat di sebuah penjara wanita di Selangor dan dikendalikan oleh pegawai kerajaan. Ini adalah kes pertama rotan bagi wanita yang dilaporkan di negara ini. Pertubuhan-pertubuhan NGO tempatan mengutuk hukuman ini. Majlis Peguam Malaysia dalam siaran akhbar memandangkan perkara ini sebagai mengejutkan yakni kerajaan membuat pengumuman hanya selepas hukuman dilaksanakan kerana perlembagaan melarang hukuman penderaan terhadap wanita. Dalam kes terdahulu pada bulan Julai 2009, Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan (Negeri Pahang) telah menjatuhkan Kartika Sari Dewi Shukarno denda RM5,000 dan enam kali rotan kerana meminum alkohol di sebuah hotel di negeri Pahang pada tahun 2008. Kartika adalah wanita Islam pertama dihukum sebatan rotan, namun pada 1 April, Sultan Pahang telah meringankan hukuman rotan kepada denda 20 hari perkhidmatan masyarakat di pusat penjagaan kanak-kanak.

Dalam tahun itu, mahkamah syariah menjatuhkan sekurang-kurangnya lima orang dengan hukuman rotan kerana kesalahan meminum alkohol. Pada tahun 2009, mahkamah syariah menjatuhkan hukuman rotan ke atas kesalahan meminum alkohol dan khalwat.

Keadaan di Penjara dan Pusat Tahanan

Kesesakan di penjara, terutama di pusat-pusat kemudahan yang berhampiran dengan bandar-bandar besar, masih merupakan masalah serius. Pada bulan Disember 2009, Kementerian Dalam Negeri melaporkan 31 penjara di dalam negara dihuni oleh 32,130 banduan di lokasi-lokasi yang direka hanya boleh memuatkan 32,600 orang. Menurut Pusat Kajian Penjara Antarabangsa, pada pertengahan tahun 2008, 8.3 peratus daripada jumlah penghuni penjara adalah wanita. Pertubuhan-pertubuhan NGO tempatan dan antarabangsa menganggarkan sebahagian besar daripada 16 PTI di negara ini berada pada atau di luar kapasiti, dengan sesetengah tahanan ditahan untuk satu tahun atau lebih.

Pertubuhan-pertubuhan NGO dan antarabangsa yang terlibat dengan pekerja migran dan pelarian membuat dakwaan yang kredibel tentang kesesakan penjara, makanan yang tidak mencukupi, kekurangan akses ke air bersih, penjagaan kesihatan yang buruk, sanitasi yang buruk, dan kekurangan tempat tidur in pusat-pusat tahanan (PTI). Sebuah NGO yang mempunyai akses ke PTI mendakwa kesesakan, kekurangan sanitasi, dan pemeriksaan serta rawatan perubatan memudahkan penyebaran penyakit. Sepanjang tahun laporan, kerajaan membenarkan pertubuhan-pertubuhan NGO tempatan dengan klinik bergerak masuk ke pusat-pusat tahanan. Pada 24 Ogos, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri mengakui secara terbuka bahawa langkah keselamatan dan keadaan kehidupan di semua PTI adalah sangat tidak memuaskan dan tidak ada yang memenuhi standard antarabangsa. Beliau menambahkan bahawa satu jawatankuasa yang terdiri daripada lima agensi telah ditubuhkan untuk mengatasi masalah di PTI dan menambahbaik prosedur operasi standard PTI.

Pada tahun 2008, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) telah mengenalpasti kekurangan rawatan perubatan sebagai sebab utama mengapa 1,300 tahanan telah meninggal dunia di dalam PTI, penjara, dan tahanan dalam masa enam tahun sebelumnya. Pada bulan Oktober 2009, pesuruhjaya SUHAKAM mencatatkan bahawa sebahagian besar kematian yang dilaporkan disebabkan oleh penyakit berjangkit yang mudah tersebar di pusat-pusat tahanan yang tidak bersih dan penuh sesak. Pesuruhjaya juga mengesyorkan agar pusat-pusat tahanan ini mengamalkan piawai kesihatan yang lebih baik untuk mencegah penyebaran penyakit.

Banduan dan tahanan yang dibenarkan menerima pelawat pada waktu yang ditetapkan, dan banduan-banduan boleh mengamalkan amalan agama mereka dengan syarat ia bukan salah satu daripada 56 aliran Islam yang dianggap kerajaan “menyimpang” dan mengancam keselamatan negara. Akta Penjara tidak mempunyai proses bagi tahanan untuk mengemukakan aduan kepada pihak berkuasa kehakiman. Namun akta ini membolehkan para hakim melawat penjara-penjara untuk memeriksa keadaan dan bertanya kepada para tahanan dan pegawai penjara tentang keadaan di penjara. Menurut pertubuhan-pertubuhan NGO tempatan, kerana pihak berkuasa penjara dilaporkan memantau semua bahan masuk dan keluar, aduan biasanya tidak akan dihantar melalui pihak berkuasa penjara. Apabila seorang peguam dilantik untuk menyiasat dakwaan tersebut, dokumen-dokumen itu dianggap sebagai peribadi dan rahsia di bawah hak istimewa peguam-pelanggan.

Pihak berkuasa umumnya tidak membenarkan pertubuhan-pertubuhan NGO dan pihak media untuk memantau keadaan penjara. Kerajaan meluluskan lawatan oleh Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah dan pegawai SUHAKAM berdasarkan kes demi kes. SUHAKAM berfungsi sebagai ombudsman *de facto* kerajaan yang menyiasat pelanggaran hak asasi manusia, termasuk yang didakwa telah berlaku di dalam penjara.

Suruhanjaya Tinggi PBB bagi Pelarian (UNHCR) mempunyai akses ke pelarian dan pemohon suaka berdaftar yang ditahan di dalam PTI dan penjara. Lazimnya, pegawai penjara dan PTI enggan memberi UNHCR akses kepada pemohon suaka tidak berdaftar yang berada dalam tahanan. Namun, sejak April 2009, UNHCR dibenarkan oleh pihak PTI untuk menemubual pelarian tidak berdaftar. Melalui temubual ini, UNHCR dapat memohon pelepasan 2,885 pelarian daripada PTI sepanjang tahun laporan.

d. Penangkapan atau Penahanan Sewenang-wenangnya

Perlembagaan menetapkan bahawa tiada sesiapa yang boleh dipenjarakan kecuali mengikut undang-undang. Namun, undang-undang membolehkan penyiasatan penahanan untuk mencegah suspek jenayah daripada melarikan diri atau memusnahkan bukti ketika polis melakukan siasatan. Empat undang-undang, terutama ISA, juga membenarkan tahanan pencegahan untuk memenjarakan individu yang dipercayai melakukan kegiatan jenayah atau untuk mencegah seseorang daripada melakukan kejahatan masa depan. Undang-undang seperti ini menyekat dan adakalanya menghalang kemudahan mendapatkan khidmat guaman yang cepat serta perbicaraan awam yang adil.

Peranan Polis dan Jentera Keselamatan

Kira-kira 102,000 orang anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) berada di bawah arahan perintah Ketua Polis Negara (KPN), yang melapor kepada Menteri Dalam Negeri. KPN bertanggungjawab terhadap pengurusan dan pentadbiran angkatan polis. Jabatan Pembangunan Islam Malaysia (JAKIM) menguatkuasakan pelaksanaan undang-undang syariah. JAKIM kadang-kadang menerima bantuan dari PDRM apabila melakukan serbuan. Pihak kerajaan mempunyai beberapa mekanisme untuk menyiasat dan menghukum salahguna dan rasuah. Terdapat laporan-laporan NGO dan media bahawa anggota keselamatan bertindak tanpa dihukum dalam tahun laporan.

Pegawai polis tertakluk kepada perbicaraan oleh mahkamah sivil. Perwakilan polis melaporkan bahawa terdapat tindakan disiplin yang diambil terhadap pegawai polis pada tahun laporan ini. Hukuman termasuk penggantungan, pemberhentian, dan penurunan pangkat.

Kerajaan terus menumpukan kepada usaha-usaha pembaharuan polis melalui peningkatan gaji, pembaikan tempat tinggal dan keadaan hidup pegawai polis secara umum. Namun, status pembaharuan lain, termasuk penubuhan suruhanjaya bebas berkaitan aduan dan salah laku polis masih belum dibuat menjelang akhir tahun. Pihak NGO mengadu bahawa usaha pembaharuan kerajaan kurang telus.

Pusat latihan polis terus memasukkan latihan kesedaran hak asasi manusia dalam kursus-kursusnya. SUHAKAM membuat latihan hak asasi manusia bagi pihak polis sekali dalam tahun laporan.

Tidak seperti tahun-tahun sebelumnya, pasukan keselamatan bertindak untuk mencegah atau sebagai tindakbalas terhadap beberapa insiden keganasan sosial. Secara khususnya, apabila tempat-tempat ibadat diserang pada bulan Januari, sebagai tindakbalas terhadap keputusan mahkamah tinggi yang membenarkan bukan Islam menggunakan nama “Allah” untuk menggambarkan Tuhan dalam penerbitan-

penerbitan berbahasa Melayu, pasukan keselamatan kerajaan bertindak cepat untuk mengawal keadaan dan mencegah ia daripada menjadi buruk.

Pada 28 September, 50 orang pembantah daripada kumpulan hak Melayu Perkasa telah berkumpul di luar Kuala Lumpur dan Dewan Perhimpunan Cina Selangor untuk memprotes penyanyi rap kontroversi Wee Meng Chee (juga dikenali sebagai Namewee) ketika dia bersiap sedia untuk bercakap di satu sidang kemuncak belia. Pembantah-pembantah telah membakar gambar besar Namewee dan cuba untuk memasuki dewan tetapi dihentikan oleh polis anti rusuhan.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, Kementerian Dalam Negeri bergantung terutama pada RELA untuk melakukan serbuan dan menahan pendatang haram yang disyaki. Namun, pada tahun 2009 kerajaan mengurangkan penglibatan dan kuasa RELA dalam hal ehwal imigresen dan pada bulan Ogos 2009, kerajaan telah mengeluarkan semua anggota RELA dari PTI. Pada tahun 2009, kerajaan mengumumkan bahawa anggota RELA akan membantu polis dalam membanteras jenayah. Namun, setelah kejadian bolos 20 warga Afghanistan pada 1 Ogos dari pusat tahanan imigresen berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Timbalan Menteri Dalam Negeri Lee Chee Leong mengumumkan bahawa keselamatan di PTI akan dipindahkan daripada pihak imigresen kepada Jabatan Penjara, dengan RELA menyediakan keselamatan perimeter. NGO dan pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan dengan hal ehwal pelarian melaporkan bahawa RELA terus menguatkuasakan undang-undang imigresen.

Pada bulan Disember, keanggotaan RELA mencapai 2,042,215 orang, hampir dua kali ganda sejak tahun 2009. Kerajaan mengambil langkah untuk meningkatkan peranan keseluruhan RELA khususnya dalam membantu polis dengan kes jenayah. NGO tetap menyuarakan kebimbangan bahawa latihan yang tidak mencukupi bagi anggota RELA menyebabkan mereka tidak bersedia untuk melaksanakan tugas. Pada 29 Disember, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Koh Tsu Koon berkata bahawa kerana ketakmungkinan menempatkan polis di setiap kawasan, ribuan anggota RELA telah dikerahkan untuk membantu polis dalam rondaan di kawasan-kawasan yang mempunyai kadar jenayah tinggi. Penyalahgunaan kuasa oleh RELA yang dilaporkan termasuk memeras ugut, mencuri, merompak rumah dan merompak penempatan-penempatan pelarian. Namun, laporan-laporan tersebut lebih sedikit berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Kerajaan tidak mengeluarkan maklumat mengenai bagaimana ia menyiasat aduan terhadap anggota RELA atau bagaimana tindakan disiplin diambil. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 dan Pindaan Peraturan-Peraturan Perlu 2005 memberikan anggota RELA kekebalan undang-undang bagi tindakan-tindakan rasmi yang dilakukan dengan niat baik.

Prosedur Penangkapan dan Layanan Ketika dalam Penahanan

Undang-undang membenarkan pihak polis untuk menangkap individu-individu kerana beberapa kesalahan tanpa waran dan menahan suspek selama 24 jam tanpa dakwa. Hakim mungkin memanjangkan masa penahanan awal sehingga dua minggu. Walaupun polis secara umumnya mematuhi peruntukan undang-undang ini, satu laporan suruhanjaya polis tahun 2005 mencatat bahawa polis kadang-kadang melepaskan suspek dan kemudian menangkap mereka semula dan ditahan bagi siasatan. Pertubuhan-pertubuhan NGO tempatan menegaskan bahawa amalan ini terus berlanjutan. Undang-undang memberikan individu yang ditangkap hak untuk diberitahu kenapa ditahan oleh polis yang melakukan

penahanan. Pihak polis mesti memberitahu tahanan bahawa mereka dibenarkan untuk menghubungi ahli keluarga dan meminta nasihat peguam pilihan mereka.

Polis sering menafikan tahanan mendapatkan khidmat guaman dan menyoal suspek tanpa kehadiran peguam mereka. Pihak polis mewajarkan amalan ini sebagai perlu untuk menghalang gangguan terhadap siasatan yang sedang dijalankan, dan keputusan hakim biasanya menyokong amalan tersebut. Laporan suruhanjaya polis tahun 2005 menyatakan bahawa mentaliti “tangkap dulu, siasat kemudian” diamalkan secara meluas di kalangan sesetengah anggota polis dan mengesyorkan agar prosedur penahanan dikaji semula untuk mencegah penyalahgunaan. Dalam sesetengah keadaan, agensi-agensi pelaksanaan undang-undang tidak segera membenarkan hubungan dengan anggota keluarga.

Undang-undang membenarkan seseorang itu ditahan jika keterangannya sebagai saksi utama adalah penting dalam sesuatu kes jenayah dan terdapat kemungkinan dia akan melarikan diri. Ikat jamin lazimnya dibenarkan bagi mereka yang dituduh melakukan jenayah yang tidak dikenakan hukuman penjara seumur hidup atau hukuman mati. Jumlah ikat jamin, dan sama ada ikat jamin dibenarkan ataupun tidak, akan ditentukan atas budi bicara hakim. Apabila ikat jamin dibenarkan, tertuduh biasanya dikehendaki menyerahkan pasportnya kepada mahkamah.

Mahkamah yang sesak dan kurang kakitangan kerap mengakibatkan penahanan sebelum perbicaraan yang panjang, kadang-kadang berlangsung beberapa tahun. Pada Disember 2009, Ketua Hakim Negara Zaki Azmi menyatakan terdapat 900,000 kes tertunda di mahkamah rendah dan 91,000 di mahkamah tinggi. Pada 25 September, Ketua Hakim mahkamah persekutuan mengumumkan pembentukan dua mahkamah tinggi sivil untuk mengurangkan timbunan kes mahkamah komersial dan mahkamah tinggi sivil. Pada bulan Oktober, Zaki mengumumkan bahawa terdapat 43,403 kes sivil tertunggak di mahkamah tinggi, 53.5 peratus pengurangan berbanding dengan 93,523 kes pada tahun 2008. Terdapat 3,459 kes jenayah yang tertunggak di Mahkamah Tinggi, iaitu 23.8 peratus pengurangan berbanding dengan 4,544 kes pada tahun 2008. Pada 14 Disember, Zaki mengumumkan bahawa kerajaan akan membolehkan rundingan bagi pengakuan bersalah (plea bargaining) sebagai cara untuk mengurangkan lambakan kes.

Empat undang-undang tahanan pencegahan yang membenarkan pihak kerajaan menahan suspek tanpa kajian semula kehakiman biasa atau pemfailan dakwaan secara rasmi termasuk: Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah), Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) dan Akta Kediaman Terhad.

ISA memberi kuasa kepada pihak polis untuk menangkap tanpa waran dan menahan selama hingga 60 hari mana-mana individu yang bertindak “dengan cara yang boleh menjejaskan keselamatan negara atau keadaan ekonomi di Malaysia.” Sepanjang tempoh 60 hari pertama penahanan di pusat tahanan khas, peruntukan ISA membenarkan penafian wakil peguam dan tidak memerlukan kes dibicarakan di mahkamah. Menteri Dalam Negeri boleh membenarkan tempoh tahanan ini dilanjutkan sehingga dua tahun, dengan disambung selama dua tahun lagi tanpa had. Secara amalan, pihak kerajaan jarang mengenakan penahanan ISA lebih daripada dua tempoh dua tahun. Ada di kalangan tahanan yang telah dibebaskan sebelum tamat tempoh penahanan dikenakan “syarat sekatan.” Syarat-syarat ini mengehadkan kebebasan bercakap, kebebasan berpersatuan, dan kebebasan bergerak di dalam negeri dan ke luar negara.

Walaupun tiada dakwaan formal dibuat, ISA mewajibkan pihak berkuasa memaklumkan kepada tahanan tuduhan terhadapnya dan membenarkan tertuduh membuat rayuan kepada lembaga penasihat bukan

perundangan supaya diadakan semakan setiap enam bulan. Namun, keputusan dan saranan lembaga penasihat tidak mempengaruhi keputusan Menteri Dalam Negeri, tidak disiarkan kepada orang ramai, dan seringkali tidak diberitahu kepada tahanan.

Majlis Peguam dan beberapa NGO hak asasi manusia menyeru agar ISA dimansuhkan, kerana ia tidak membenarkan sebarang semakan kehakiman dibuat terhadap keputusan ISA di mana-mana mahkamah, kecuali berkaitan isu pamtuhan terhadap keperluan prosedur sahaja. Kumpulan Kerja Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) terhadap Penahanan Sewenang-wenang telah melawat Malaysia pada 7-18 Jun dan pada akhir lawatannya mengesyorkan bahawa ISA (dan undang-undang penahanan pencegahan yang lain) dimansuhkan atau, jika dipinda ia perlu sejajar dengan Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat.

Pada April 2009, iaitu hari pertama Perdana Menteri Najib memegang jawatan, beliau mengumumkan bahawa akan melakukan semakan yang komprehensif terhadap ISA. Sejak pengumuman itu, Kementerian Dalam Negeri telah mengadakan pertemuan tertutup dengan pelbagai kumpulan, termasuk parti-parti politik dan pertubuhan-pertubuhan NGO, untuk mengkaji semula akta tersebut. Sedikit maklumat telah disiarkan kepada awam tentang pertemuan-pertemuan ini.

Pada tahun 2009 kerajaan membebaskan 31 tahanan ISA, termasuk lima orang pemimpin Barisan Bertindak Hak-hak Hindu (HINDRAF) dan lima orang yang didakwa anggota Jemaah Islamiyah (JI) iaitu sebuah pertubuhan pengganas.

Pada 27 Januari, Menteri Dalam Negeri mengesahkan bahawa pada 21 Januari, pihak berkuasa telah menahan 10 orang - sembilan orang asing dan satu warganegara Malaysia - di bawah ISA kerana disyaki terlibat dengan organisasi pengganas antarabangsa. Kesembilan tahanan asing dari Yaman, Nigeria, Jordan, dan Syria dilaporkan telah diusir pada bulan Mac. Kerajaan meletakkan seorang warganegara Malaysia, Azzahari Murad, di bawah peruntukan Akta Kediaman Terhad pada 11 Mac.

Pada 15 Julai, pihak berkuasa menahan Mohamad Fadzullah Abdul Razak kerana dipercayai merekrut para pelajar untuk menyertai pertubuhan JI. Pada akhir tahun laporan, dia kekal berada dalam tahanan di bawah ISA.

Pada 11 Ogos, pihak berkuasa menahan tiga orang, warganegara Malaysia iaitu Sheikh Abdullah Syeikh Junaid, dan Samsul Hamidi, dan warganegara Indonesia MustawanAhabab, atas dakwaan kaitan dengan pengganas. Kerajaan membebaskan Syeikh Abdullah Syeikh Junaid dan Samsul Hamidi dalam masa 60 hari selepas penangkapan mereka.

Pada 2 September Kementerian Dalam Negeri membebaskan Syamsuddin Sulaiman, dipercayai anggota JI, selepas lapan tahun dalam tahanan. Pada 24 September, Kementerian Dalam Negeri mengusir dan menyerahkan Mas Selamat Kastari, dipercayai pemimpin rangkaian JI Singapura, kepada kerajaan Singapura.

Menurut pertubuhan-pertubuhan NGO tempatan, sepanjang tahun laporan, pihak berkuasa telah menahan 25 orang di bawah ISA dan membebaskan 15 orang. Pada akhir tahun laporan, terdapat 25 orang yang dilaporkan ditahan di bawah ISA, termasuk mereka yang telah ditahan pada tahun-tahun sebelumnya. Alasan penahanan adalah kaitan dengan organisasi keganasan, pemalsuan dokumen, dan penglibatan dalam sindiket penyeludupan manusia.

Pada 25 Mac, Mahkamah Rayuan membatalkan award RM2.5 juta yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Mahkamah pada tahun 2007 untuk bekas banduan ISA Abdul Malek Hussin kerana penahannya dan dakwaan seksaan di bawah ISA pada tahun 1998. Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa penahanan di bawah ISA itu sah dan bahawa dia tidak berhak atas award kewangan. Pada 12 Ogos, Mahkamah Persekutuan mengesahkan keputusan tersebut.

Di bawah Ordinan Darurat, Menteri Dalam Negeri boleh mengeluarkan perintah penahanan selama dua tahun terhadap seseorang jika beliau merasakan ini perlu untuk melindungi ketenteraman awam, “menghindar keganasan, atau mencegah jenayah yang melibatkan keganasan.” Sebuah NGO tempatan melaporkan bahawa pada tahun 2009, kerajaan telah menahan 548 orang di bawah Ordinan tersebut. Menurut statistik Kementerian Dalam Negeri yang dipersembahkan kepada Parlimen pada bulan Januari, 3,701 orang telah ditahan di bawah Ordinan Darurat dan tindakan-tindakan pencegahan yang lain di antara tahun 2000 dan 2009. Pihak berkuasa menggunakan Ordinan Darurat ke atas individu-individu tertentu yang disyaki terlibat dalam jenayah terancang.

Pada bulan Disember 2009, pihak berkuasa dilaporkan telah menangkap empat pemuda berusia antara 15 dan 20 tahun - S. Gunaseelan, M. Puspathan, PS Jagendran, dan V. Rajkumar - kerana memiliki sebuah basikal curi. Keempat-empat mereka dilaporkan ditahan selama 60 hari di bawah Ordinan Darurat tersebut. Pada 11 Mac, Menteri Dalam Negeri memerintahkan penahanan mereka berempat di bawah Akta Kediaman Terhad. Pada 12 Mac, SUARAM mengeluarkan kenyataan akhbar mengatakan keempat mereka telah “diseksa secara fizikal dan mental oleh pihak polis selama keseluruhan tempoh penahanan mereka” di bawah Ordinan Darurat tersebut. Pada 20 Disember, kerajaan membenarkan Jagandran untuk kembali ke kampung halamannya, namun gerakannya dihadkan hingga bulan Mac 2012, di bawah peruntukan Ordinan Darurat tersebut.

Peruntukan Akta Dadah Berbahaya memberi kerajaan kuasa khusus untuk menahan pengedar-pengedar dadah yang disyaki tanpa perbicaraan sehingga 39 hari sebelum Menteri Dalam Negeri wajib mengeluarkan perintah tahanan. Sebaik sahaja Kementerian Dalam Negeri mengeluarkan perintah tahanan tersebut, tahanan berhak mendapat pembicaraan di mahkamah yang mempunyai kuasa untuk mengeluarkan perintah pembebasan tahanan. Pihak berkuasa boleh menahan orang yang disyaki tanpa didakwa selama dua tahun berturut-turut dengan semakan dibuat oleh sebuah lembaga penasihat yang nasihatnya boleh mempengaruhi menteri. Walau bagaimanapun, proses semakan ini tidak mengandungi sebarang hak prosedur yang diberikan kepada defendan dalam prosiding mahkamah. Pihak polis kerap menahan pengedar dadah yang disyaki bawah akta ini setelah mahkamah membebaskan mereka daripada dakwaan rasmi. Menurut Agensi Antidadah Kebangsaan, kerajaan telah menahan 1,176 orang berdasarkan peruntukan pencegahan tindakan penahanan selama 11 bulan pertama tahun 2009, berbanding dengan 1,115 orang sepanjang tahun 2008.

Akta Kediaman Terhad membenarkan Menteri Dalam Negeri meletakkan mana-mana individu bawah kediaman terhad yang terletak jauh dari rumah mereka. Individu-individu ini tidak dibenarkan meninggalkan daerah kediaman yang telah ditetapkan dan mereka perlu melaporkan diri kepada pihak polis setiap hari. Seperti di bawah ISA, pihak berkuasa boleh melanjutkan tempoh kediaman terhad ini setiap dua tahun. Pihak Menteri diberi kuasa untuk mengeluarkan perintah kediaman terhad tanpa sebarang pembicaraan kehakiman atau pentadbiran. Kerajaan terus mewajarkan akta tersebut sebagai cara yang perlu untuk menyingkirkan orang yang disyaki dari tempat di mana kegiatan yang tidak diingini sedang dijalankan.

e. Penafian Perbicaraan Awam yang Adil

Tiga artikel perlembagaan menyediakan asas bagi suatu penghakiman yang bebas, namun peruntukan-peruntukan perlembagaan yang lain, undang-undang yang menyekat semakan penghakiman, dan faktor-faktor tambahan mengehadkan kebebasan kehakiman dan mengukuhkan pengaruh eksekutif atas sistem kehakiman.

Anggota-anggota Majlis Peguam, wakil-wakil NGO, dan pemerhati-pemerhati lain menyatakan kebimbangan serius tentang pembatasan kebebasan kehakiman yang ketara dengan memberi contoh sejumlah kes berprofil tinggi dengan keputusan yang dibuat secara sembarangan, pendakwaan selektif, dan layanan istimewa terhadap sesetengah litigan dan peguam.

Pada tahun 2008, satu suruhanjaya diraja, yang telah ditubuhkan untuk menyiasat rakaman video tahun 2002 yang didakwa daripada perbualan di mana peguam kanan, VK Lingam, dan seorang hakim kanan, Ahmad Fairuz Abdul Halim, membincangkan pengaturan untuk memberikan kes kepada hakim-hakim yang “mesra” telah mengeluarkan penemuannya dan memutuskan bahawa bekas Perdana Menteri Mahathir, Setiausaha Agung UMNO Tengku Adnan, dan bekas Ketua Hakim Eusoff Chin antara lain terlibat dalam memanipulasi perlantikan hakim dan mempengaruhi kenaikan pangkat hakim dengan tidak sepatutnya. Pada Jun 2009, dalam jawapan bertulis kepada soalan ahli parlimen Karpal Singh dari Parti Tindakan Rakyat (DAP) tentang mengapa tidak ada tindakan lanjut terhadap penemuan suruhanjaya, seorang Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjelaskan bahawa kes tersebut ditutup kerana kekurangan bukti. Pada 23 Ogos, Lingam, bersama-sama dengan Eusoff Chin dan Ahmad Fairuz merayu terhadap keputusan mahkamah tinggi tahun 2008 yang menafikan mereka kebenaran untuk merayu penemuan suruhanjaya diraja. Pada 24 Ogos, Mahkamah Rayuan memberikan kebenaran untuk ketiga-tiga mereka mencabar penemuan suruhanjaya diraja dan mengarahkan mahkamah tinggi untuk mendengar kes ini. Pada 23 September, Pejabat Peguam Negara merayu keputusan Mahkamah Rayuan kepada Mahkamah Persekutuan. Pada 30 September, mahkamah tinggi mengumumkan bahawa mereka akan mendengar kes ini pada 16 Mei 2011.

Pada tahun 2008, pihak berkuasa menahan pemimpin pembangkang parlimen Anwar Ibrahim atas tuduhan melakukan liwat secara rela dengan bekas pembantunya. Pihak pendakwa mendakwa Anwar di mahkamah di bawah kanun keseksaan kerana “melakukan seks luar tabii secara rela”, yang boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 20 tahun. Anwar dibebaskan mahkamah dengan ikat jamin.

Pada Ogos 2009, Anwar mengemukakan permohonan semakan kehakiman untuk menghilangkan kelayakan pasukan pendakwa kerajaan atas dasar dakwaan berat sebelah, konflik kepentingan, dan salah laku pendakwaan. Setelah berbulan-bulan penangguhan sementara mahkamah perbicaraan memutuskan usul-usul daripada permintaan bukti kepada pemecatan langsung, perbicaraan Anwar bermula pada 2 Februari, dengan bekas pembantu dan mangsa yang mendakwa telah diliwat, Saiful Bukhari, berdiri sebagai saksi pertama pihak pendakwa. Sejak awal perbicaraan, terdapat enam penangguhan pentadbiran kerana rayuan. Perbicaraan dijadualkan untuk dilanjutkan pada 21 Januari 2011. Pendakwaan untuk liwat secara rela antara dua orang dewasa sangat jarang berlaku dalam jurisprudens Malaysia.

Prosedur Perbicaraan

English Common Law adalah asas sistem perundangan sekular di negara ini. Perlembagaan menyatakan bahawa semua orang adalah sama di sisi undang-undang dan berhak atas perlindungan undang-undang yang setara. Perbicaraan adalah terbuka kepada orang awam, walaupun hakim boleh memerintahkan sekatan kepada liputan akhbar. Juri tidak digunakan. Pihak defendan berhak mendapatkan khidmat guaman atas pembiayaan awam jika diminta oleh si tertuduh yang menghadapi dakwaan jenayah berat. Cara-cara penggunaan bukti secara ketat dipakai di mahkamah. Defendan boleh membuat kenyataan bertulis kepada agensi penyiasatan sebelum perbicaraan dimulakan. Penemuan sebelum perbicaraan terhad dalam kes-kes jenayah menghalang kemampuan pihak defendan untuk membela diri. Defendan diberi peluang untuk berdepan dengan saksi-saksi yang menentang serta memperkenalkan saksi-saksi serta bukti-bukti bagi pihaknya, walaupun pihak hakim adakalanya tidak membenarkan testimoni saksi. Bukti-bukti yang disimpan oleh pihak kerajaan tidak selalu boleh didapati. Para peguam diwajibkan untuk mengemukakan permohonan perintah mahkamah untuk mendapatkan dokumen-dokumen yang dilindungi di bawah Akta Rahsia Rasmi. Pihak defendan dianggap tidak bersalah sehingga terbukti bersalah dan boleh merayu keputusan mahkamah di mahkamah yang lebih tinggi. Dalam beberapa keadaan tertentu, undang-undang mengehadkan hak defendan untuk membuat rayuan. Pihak kerajaan menyatakan bahawa had yang dikenakan dapat mempercepatkan perbicaraan di mahkamah peringkat tinggi, tetapi Majlis Peguam menganggap had-had mengakibatkan sekatan yang berlebihan terhadap kes rayuan.

Bagi kes senjata api dan sesetengah kes keselamatan negara, piawaian yang lebih rendah dalam menerima kenyataan defendan yang boleh membabitkan kesalahan diri sebagai bahan bukti, dikuatkuasakan. Peraturan juga membenarkan pihak berkuasa menahan tertuduh selama satu tempoh yang tidak ditentukan sebelum membuat dakwaan rasmi.

Dalam kes jenayah, polis kadang-kadang menggunakan taktik yang menjejaskan hak-hak defendan untuk proses pengadilan yang adil. Sebagai contoh, polis menjalankan serbuan dan perampasan dokumen untuk tujuan mengganggu defendan.

Mahkamah syariah tidak memberikan pertimbangan setara terhadap testimoni yang diberikan oleh golongan wanita. Banyak pertubuhan NGO mengadu bahawa wanita tidak menerima layanan yang adil dari mahkamah syariah, khususnya dalam hal perceraian dan hak-hak jagaan anak.

Banduan dan Tahanan Politik

Tidak ada laporan tentang banduan atau tahanan politik.

Prosedur dan Remedi Kehakiman Sivil

Struktur kehakiman sivil adalah sama dengan mahkamah jenayah. Kes tertunggak yang terlalu banyak kerap kali mengakibatkan kelewatan pihak mahkamah memperuntukkan perintah bagi plaintif sivil. Mahkamah menggalakkan penggunaan pengantaraan dan timbangtara untuk mempercepat penyelesaian. Menurut sumber-sumber perundangan, pengantaraan digunakan dalam 60 peratus kes kemalangan di jalan dan sekitar 40 peratus daripada kes-kes sivil yang lain. Kerajaan dan para pegawai kerajaan boleh didakwa di mahkamah atas kesalahan mencabuli hak asasi manusia.

f. Gangguan Sewenang-wenang Terhadap Privasi, Keluarga, Tempat Kediaman, atau Surat-menyurat

Pelbagai undang-undang melarang gangguan sewenang-wenang terhadap hak privasi. Namun begitu, terdapat sesetengah kes di mana pihak berkuasa telah mencabul hak privasi rakyat. Peruntukan yang terdapat dalam undang-undang keselamatan membenarkan pihak polis memasuki dan menggeledah tanpa waran rumah orang yang disyaki mengancam keselamatan negara. Polis juga boleh merampas bukti di bawah peruntukan-peruntukan ini. Polis menggunakan kuasa undang-undang ini untuk menggeledah rumah dan pejabat; merampas komputer, buku, dan dokumen; memantau perbualan; dan menahan seseorang tanpa waran. Pihak kerajaan mengawasi e-mel yang dihantar ke laman-laman blog Internet dan mengancam akan menahan sesiapa yang menghantar bahan melalui Internet yang dianggap oleh kerajaan sebagai mengancam ketenteraman atau keselamatan awam.

Garis panduan Jabatan Kemajuan Islam Persekutuan (JAKIM) memberi kuasa kepada para pegawai JAKIM untuk memasuki premis-premis persendirian tanpa waran jika mereka berpendapat bahawa tindakan pantas perlu dilakukan untuk menyerbu premis-premis yang disyaki ada orang Islam melakukan kesalahan seperti berjudi, minum arak, dan berzina.

Pada 4 Januari, media tempatan melaporkan bahawa Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah melakukan serbuan di hotel-hotel murah di Selangor bersempena sambutan malam Tahun Baru dan menangkap 52 orang pasangan yang belum berkahwin di hotel kerana melakukan kesalahan khalwat. Pada 25 April, akhbar tempatan melaporkan bahawa seorang pelajar kolej berusia 21 tahun mati terjatuh dari tingkat lima bangunan apartmen ketika dilaporkan cuba melarikan diri dari serbuan pegawai JAIS yang mencari pesalah khalwat.

Dalam siasatan rasuah, selepas pegawai kanan polis yang terlibat dalam penyiasatan mengemukakan permohonan bertulis, undang-undang memberi kuasa kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk mengizinkan pemintasan mesej yang dihantar atau diterima oleh orang yang disyaki. Maklumat yang diperolehi dengan cara begini boleh diterima sebagai bukti dalam perbicaraan kes rasuah. Pasukan keselamatan mempunyai bidang kuasa yang luas untuk memasang alat-alat perisikan secara tersembunyi di harta milik persendirian. Selain itu, Pendakwa Raya boleh memberi kuasa kepada pihak polis untuk memintas mesej yang dihantar melalui pos dan rangkaian telekomunikasi jika pihak pendakwa berpendapat bahawa mesej ini mungkin mengandungi maklumat berkaitan jenayah keganasan. Maklumat yang dipintas secara begini boleh diterima pakai di mahkamah.

Undang-undang membenarkan Menteri Dalam Negeri meletakkan penjenayah di bawah kediaman terhad di daerah terpencil, jauh dari rumah kediaman asal mereka selama dua tahun.

Kerajaan mengharamkan keahlian dalam mana-mana parti politik dan pertubuhan yang tidak berdaftar.

Beberapa isu keagamaan menjadi penghalang utama kepada perkahwinan di antara orang Islam dengan penganut-penganut agama lain. Kerajaan tidak mengiktiraf perkahwinan antara orang Islam dan bukan Islam.

Bahagian 2 Penghormatan terhadap Kebebasan Sivil, Termasuk:

a. Kebebasan Bersuara dan Kebebasan Akhbar

Perlembagaan memperuntukkan kebebasan bersuara dan kebebasan akhbar. Namun begitu, secara amalnya pihak kerajaan menghadkan kebebasan menyuarakan pendapat dan menakut-nakutkan wartawan supaya mereka mengamalkan penapisan sendiri. Menurut para pegawai Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Penerangan, sekatan yang dikenakan terhadap pihak media bertujuan memelihara keselamatan negara, ketenteraman awam, dan hubungan baik dengan negara-negara lain.

Undang-undang yang mempunyai batasan “demi keselamatan atau ketenteraman awam” boleh menyekat kebebasan untuk bersuara. Misalnya, Akta Hasutan melarang ulasan awam terhadap isu-isu yang dianggap sensitif seperti soal perkauman dan keagamaan. Kerajaan menggunakan ISA, Akta Hasutan, Akta Rahsia Rasmi, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, undang-undang fitnah jenayah, dan undang-undang lain untuk menyekat atau mencegah penyampaian ucapan politik. Namun begitu, individu-individu kerap mengkritik pihak kerajaan, baik secara terbuka atau sebaliknya. Namun, pihak kerajaan sekali sekala akan bertindak balas terhadap mereka yang mengkritiknya.

Undang-undang pilihan raya menjadikan ia satu kesalahan bagi mana-mana calon pilihan raya yang “menyemarakkan perasaan benci, rasa tidak puas hati, atau permusuhan.” Pesalah boleh dibatalkan kelayakan untuk bertanding.

Pada 18 Ogos, stesen radio berbahasa Cina 98.8 yang popular telah menamatkan kerja juruhebah berbangsa Melayu yang berbahasa Cina, Jamaluddin Ibrahim. Tindakan ini dilaporkan berlaku kerana surat daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) yang menyatakan bahawa komen Jamaluddin tentang hubungan kaum mempengaruhi keselamatan negara secara negatif dan tidak boleh diterima.

Pada 12, Mahkamah Tinggi membebaskan ahli parlimen pembangkang DAP Karpal Singh daripada dakwaan di bawah Akta Hasutan kerana komen di sidang akhbar pada Februari 2009 bahawa Sultan Perak boleh disaman kerana peranannya dalam penyingkiran seorang Menteri Besar sebuah negeri.

Pada 1 Julai, Kementerian Dalam Negeri tidak memperbaharui permit penerbitan tahunan akhbar Parti Keadilan Rakyat Malaysia (PKR) *Suara Keadilan* selepas ia luput pada 30 Jun. Anwar Ibrahim adalah pemimpin *de facto* PKR. Pada bulan Julai juga, Kementerian Dalam Negeri menolak untuk memperbaharui permit dua lagi akhbar parti pembangkang yang lain - *Harakah* milik Parti Islam SeMalaysia (PAS), yang luput pada 7 Julai, dan *Rocket* milik DAP yang luput pada 30 Jun. Kedua-dua belah pihak merayu terhadap keputusan Kementerian Dalam Negeri. Pada 15 Julai, Kementerian Dalam Negeri meluluskan permit *Harakah* dengan syarat akhbar itu dijual hanya untuk ahli parti dan di markas dan pejabat parti. Pada 18 Ogos, Kementerian Dalam Negeri memperbaharui permit *Rocket* dan dikenakan syarat yang sama.

Dua daripada tiga akhbar harian berbahasa Inggeris utama dan kesemua akhbar harian Melayu dimiliki atau saham akhbar-akhbar ini dikawal oleh parti-parti kerajaan. Ahli-ahli perniagaan yang mempunyai hubungan rapat dengan kerajaan serta parti-parti yang memerintah memiliki akhbar bahasa Inggeris ketiga paling utama dan keempat-empat akhbar berbahasa Cina.

Wartawan-wartawan diganggu dan ditakut-takutkan atas laporan yang mereka tulis. Pada 19 Februari, seorang wartawan akhbar harian *The Star* yang dipengaruhi kerajaan, P. Gunasegaran, menulis sebuah artikel bertajuk *Persuasion, not Compulsion* di mana dia mempersoalkan sama ada penahanan dan penyebatan tiga wanita Islam berhubung kesalahan zina adalah hukuman yang tepat. Pada 22 Februari, pertubuhan NGO Islam konservatif bernama Rakyat Islam Prihatin dan beberapa pertubuhan-pertubuhan lain termasuk kumpulan hak pro-Melayu Perkasa telah membuat laporan polis menuntut kerajaan menarik balik permit pencetakan *The Star* bagi memprotes artikel tersebut. Pertubuhan-pertubuhan NGO ini mendakwa artikel tersebut menghina Islam dan menuntut permohonan maaf dan pemecatan Gunasegaran. Pada 23 Februari, Kementerian Dalam Negeri mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada *The Star*. Pada 24 Februari, *The Star* mengeluarkan permohonan maaf sebagai respons.

Pada 22 September, polis menyoal ahli parlimen dan anak perempuan pemimpin pembangkang Anwar Ibrahim, Nurul Izzah, atas dakwaan hasutan, berikutan artikel dua bahagian yang ditulisnya berjudul *Malaysia atau Malay Saja* untuk laman web *The Malaysian Insider* pada 31 Ogos. Dalam artikel itu Nurul berpendapat bahawa perlembagaan merujuk pada “kedudukan istimewa” Melayu dan bumiputera lain dan hak-hak keistimewaan ini tidak mutlak. Nurul juga menjemput Ibrahim Ali, Presiden Perkasa, untuk berdebat. Pada 2 September, Ibrahim Ali mengemukakan laporan polis terhadap Nurul atas artikel tersebut dan menuduhnya mempersoalkan perlembagaan. Pada 22 September, polis menyoal Nurul Izzah. Tidak ada perkembangan lebih lanjut pada tahun laporan.

Pada 29 September, ahli Parlimen DAP Tony Pua disoal oleh polis kerana hasutan atas cadangannya untuk menghapuskan diskaun kediaman-kediaman mewah bagi bumiputera dan menyalurkan manfaat tersebut kepada orang miskin sebagai gantinya. Cadangannya disiarkan dalam akhbar harian *Utusan Malaysia* pada 27 Julai, yang mengakibatkan banyak laporan polis dibuat terhadap Pua kerana mempersoalkan hak-hak bangsa Melayu. Tidak ada maklumat lebih lanjut mengenai kes itu didapati.

Tidak seperti pada masa lalu, tidak ada kes wartawan yang ditangkap.

Kesalahan memfitnah boleh dijatuhkan hukuman penjara sehingga dua tahun, denda, atau kedua-duanya sekali. Peruntukan ini serta kuasa kerajaan berkaitan pembaharuan lesen tahunan dan dasar-dasar lain telah merencat kewartawanan yang bebas dan bersifat risikan dan menyebabkan laporan yang dikeluarkan bersifat terlalu berhati-hati. Namun, akhbar berbahasa Inggeris, Melayu dan Cina adakalanya memberi pandangan alternatif yang seimbang tentang isu-isu yang sensitif, begitu juga media online dan penulis-penulis blog.

Pihak kerajaan terus menapis media dengan mengawal kandungan berita, mewajibkan pembaharuan tahunan bagi permit-permit penerbitan, dan mengehadkan edaran penerbitan hanya kepada ahli-ahli pertubuhan. Pihak-pihak pencetak biasanya enggan mencetak sebarang penerbitan yang mengandungi unsur kritikan terhadap kerajaan kerana takut dikenakan tindakan balas. Namun demikian, bahan-bahan penerbitan daripada parti pembangkang, kumpulan tindakan sosial, kesatuan, laman berita Internet dan kumpulan persendirian yang lain giat membuat liputan berita tentang parti-parti pembangkang dan sering kali menerbitkan pandangan yang mengkritik dasar-dasar kerajaan.

Pihak kerajaan menyekat pihak media, baik secara langsung atau tidak langsung, melalui Akta Mesin Cetak dan Penerbitan yang mewajibkan pihak penerbitan tempatan dan asing memohon permit daripada kerajaan pada setiap tahun. Akta ini menganggap penerbitan “berita yang berniat jahat” sebagai satu

kesalahan yang boleh dihukum dan memberi kuasa kepada Menteri Dalam Negeri untuk mengharam atau menyekat sebarang penerbitan yang dianggap boleh mengancam ketenteraman awam, moral atau keselamatan negara. Akta ini juga menghalang mahkamah mencabar tindakan kerajaan untuk menggantung atau menarik balik kebenaran penerbitan. Menurut kerajaan, peruntukan-peruntukan ini memastikan bahawa pihak media tidak akan menyebarkan “berita yang diputarbelit” dan ini perlu untuk menjaga keharmonian serta menggalakkan kehidupan yang aman di negara berbilang bangsa. Sepanjang tahun laporan, pihak Kementerian terus menyemak, menapis, dan merampas banyak penerbitan asing.

Sepanjang tahun laporan, Kementerian Dalam Negeri mengharamkan sekurang-kurangnya 25 buku yang boleh “membahayakan ketenteraman awam” atau lucah. Buku-buku yang diharamkan termasuk buku berbahasa Tamil, *Latihan Seks* oleh Tamilvanan, dan sebuah buku berbahasa Melayu, *Antara Cinta dan Dosa* oleh Fahmi Ismail. Para pegawai Kementerian Dalam Negeri menambah bahawa individu yang terbabit dalam mencetak, mengimport, menerbit, menjual, dan mengedar judul-judul yang diharamkan tersebut boleh didakwa di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, yang membawa hukuman penjara sehingga tiga tahun dan denda sehingga RM20,000.

Pada bulan Jun kerajaan mengharamkan buku *Perak Darul Kartun* dan majalah kartun politik, *Isu dalam Kartun*. Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Mahmood Adam berkata kerajaan melarang penerbitan-penerbitan ni kerana isinya boleh mempengaruhi orang untuk memberontak terhadap para pemimpin dan dasar-dasar kerajaan.

Pada 24 Jun, Kementerian Dalam Negeri juga telah mengharamkan buku, *IFunny Malaysia*, oleh kartunis Zulkifly Anwar Ulhaque (juga dikenali sebagai Zunar) dan diterbitkan oleh Kini Books milik portal berita internet Malaysiakini. Mahmood Adam berkata isi buku itu dianggap tidak sesuai dan menjejaskan ketenteraman awam. Pada 24 September, polis menangkap Zunar kerana hasutan hanya beberapa jam sebelum pelancaran bukunya, *Cartoon-o-phobia*. Kerajaan merampas 66 naskhah buku itu. Zunar dibebaskan dengan jamin pada 25 September dan diperintahkan untuk melapor kepada polis pada 7 Oktober. Pada 8 Oktober, mahkamah tinggi membenarkan Zunar untuk mencabar arahan larangan bukunya. Satu perbicaraan dijadualkan pada bulan 10 Mac 2011.

Pada 19 Ogos, pegawai-pegawai penguatkuasa Kementerian Dalam Negeri telah merampas salinan buku-buku politik, *Body 2 Body* dan *The March to Putrajaya*, dari Kinokuniya, kedai buku antarabangsa di Kuala Lumpur. Para pegawai meninggalkan notis rampasan kepada pekerja kedai. Pada 30 September, Kementerian Dalam Negeri mengharamkan buku-buku untuk yang mengandungi “tuduhan-tuduhan tidak berasas terhadap para pemimpin negara dan menghasut kebencian dan kemarahan awam terhadap perlembagaan persekutuan.” Pada 4 Februari, Kim Quek, pengarang buku *The March to Putrajaya*, menjadikan buku itu boleh didapati secara percuma di Internet. Pada 10 Disember, Kim Quek mengemukakan tuntutan mahkamah terhadap Menteri Dalam Negeri, polis, dan kerajaan kerana mendakwa merampas secara haram buku-buku tersebut. Mahkamah tinggi dijadualkan mendengar kes pada 10 Januari 2011.

Pada 25 Januari, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menarik balik larangan yang dikenakan ke atas buku *Muslim Women and the Challenge of Islamic Extremism* oleh Norani Othman, salah seorang pengasas pertubuhan NGO Sisters in Islam (SIS) pada tahun 2008 sebagai tidak mengikut perlembagaan.

Pada 8 dan 11 Mac, Kementerian Dalam Negeri mengharamkan 13 buku berbahasa Melayu, tiga berbahasa Tamil, dan lima berbahasa Cina dengan mendakwa buku-buku itu tidak bermoral dan tidak sesuai untuk bacaan orang awam.

Stesen radio dan televisyen juga mengalami sekatan sebagaimana media cetak dan hampir kesemuanya menyokong pihak kerajaan. Berita tentang parti pembangkang dikawal ketat dan dilaporkan secara berat sebelah. Semasa 13 pilihan raya kecil yang dilangsungkan sejak pilihan raya umum pada bulan Mac 2008, pihak media aliran perdana memberi liputan yang sedikit kepada calon pembangkang, laporan yang sangat negatif tentang tokoh-tokoh kanan parti pembangkang, dan liputan yang meluas kepada calon-calon parti pemerintah.

Pada 20 April, Joshua Wong Ngee Chong, penerbit rancangan bicara bahasa Cina NTV7 bertajuk *Editor's Time*, mengundurkan diri kerana memprotes tapisan sendiri oleh saluran televisyen swasta yang didakwa menghadapi tekanan daripada isteri Perdana Menteri, Rosmah Mansor. Menurut Wong, Rosmah mengirim mesej teks kepada pengurusan kanan NTV7 dengan memanggil beberapa episod rancangan bicara itu bersifat perkauman. Episod yang dipersoalkan memaparkan debat antara ahli politik daripada perikatan pemerintah Barisan Nasional dan perikatan pembangkang Pakatan Rakyat (PR) serta pengulas bebas. NTV7 kemudian tidak melaporkan berkenaan pilihan raya kecil parlimen Hulu Selangor pada 25 April atau isu-isu politik secara umumnya, juga tidak mengundang ahli politik pembangkang sebagai tetamu. NTV7 kemudian menolak menyiarkan dokumentari tentang pilihan raya kecil Hulu Selangor.

Pada 28 April, Ketua Pengarah Radio Televisyen Malaysia, Ibrahim Yahya, dipercayai mengarahkan siri dokumentari berbahasa Cina Galeri Mandarin Nasional dihentikan penyiarannya selepas hanya dua episod disiarkan. Siri dokumentari 10 episod ini menggambarkan nasib lebih 10,000 orang ulu Belaga, Sarawak, selepas dipaksa berpindah ke Sungai Asap dan Sungai Koyan pada tahun 1998 kerana pembinaan Empangan Bakun. Produser dokumentari dilaporkan berkata bahawa pegawai atasannya mendakwa bahawa beberapa "elemen sensitif" dalam filem dokumentari boleh memudaratkan keputusan pilihan raya kecil parlimen Sibul yang diadakan pada 16 Mei dan pilihan raya negeri Sarawak akan datang.

Stesen-stesen televisyen menapis siaran program masing-masing selaras dengan garis panduan kerajaan. Kerajaan telah mengharamkan beberapa akhbar dan majalah asing, dan kadangkala menapis majalah dan akhbar asing, biasanya kerana kandungan seksual. Kerajaan mempunyai "senarai hitam" yang menyenaraikan nama-nama penghibur, ahli-ahli politik, dan pemimpin-pemimpin agama tempatan dan luar negara yang tidak dibenarkan muncul dalam siaran televisyen atau radio.

Pihak kerajaan umumnya akan menyekat komen atau penerbitan, termasuk buku, jika dianggap boleh menjejaskan keharmonian antara kaum atau agama.

Kebebasan Internet

Capaian Internet boleh didapati dengan meluas kecuali di Malaysia Timur di mana Internet biasanya tidak mudah didapati di luar kawasan bandar. Menurut statistik dari Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa, sekitar 65 peratus daripada penduduk negara menggunakan Internet pada tahun 2009.

Pada 1 Mac, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Rais Yatim berkata kerajaan tidak akan mengenakan sekatan ke atas Internet, dan menjelaskan bahawa kerajaan tidak akan menggunakan langkah-langkah seperti menggunakan perisian penapisan untuk memantau semua komputer peribadi. Namun, pada 4 September, Timbalan Ketua Setiausaha (Keselamatan) Kementerian Dalam Negeri, Abdul Rahim Mohamad Radzi, mengumumkan pembentukan pasukan petugas untuk memantau kiriman-kiriman blog di Internet yang dianggap membahayakan perpaduan nasional dan untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang cuba mengapi-apikan ketegangan perkauman. Pasukan petugas ini melibatkan polis, pengawal atur internet, Kementerian Penerangan, dan Pejabat Peguam Negara. Pihak kerajaan memantau e-mel yang dihantar ke laman-laman blog Internet dan mengancam akan menahan sesiapa yang menghantar bahan melalui Internet yang dianggap oleh kerajaan sebagai mengancam ketenteraman atau keselamatan awam. Pada 13 September, Rais Yatim menyebut pembentukan satu pasukan petugas khas untuk menyiasat aduan tentang kemungkinan ancaman terhadap keselamatan dan perpaduan negara. Pada 15 September, SKMM memberi amaran kepada pengendali Internet untuk mengelakkan daripada bahan-bahan yang menyinggung, tidak senonoh, perkara-perkara sensitif seperti agama dan kaum.

Undang-undang fitnah dan tahanan pencegahan telah menyebabkan berlakunya penapisan sendiri oleh penyedia dan penulis kandungan Internet tempatan seperti penulis blog, penyedia berita Internet, dan para aktivis NGO.

Pada 2 September, Mahkamah Sesyen Petaling Jaya mendakwa penulis blog Irwan Abdullah Rahman di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia kerana “mencipta dan menyebarkan pembbohongan dengan maksud jahat untuk menyakiti orang lain.” Irwan menyiarkan satu satira yang mengatakan bahawa Tenaga Nasional Berhad akan menyaman World Wildlife Federation kerana menganjurkan kempen “Earth Hour” yang menggalakkan pengguna tidak menggunakan kuasa elektrik selama satu jam kerana peristiwa itu akan merugikan syarikat nasional itu berjuta-juta ringgit dari segi hasil yang belum terealisasi. Jika terbukti bersalah, Irwan boleh menghadapi hukuman penjara satu tahun dan denda sebanyak RM50,000. Satu perbicaraan dijadualkan pada 26 Januari 2011.

Pada 6 Disember, ahli Majlis Tertinggi UMNO Dr Shahidan Kassim menggesa sekatan ke atas laman web rangkaian sosial Facebook jika kandungannya menimbulkan ancaman terhadap keselamatan negara. Beliau membuat ulasannya selepas seorang pemegang akaun Facebook rakyat Malaysia didakwa menghina Islam dan para pemimpin Malaysia di laman web. Beliau diiringi oleh ahli-ahli jawatankuasa Persatuan Facebook Perlis yang membuat aduan polis mengenai hal tersebut. Kumpulan tersebut kabarnya juga mengemukakan laporan kepada Jabatan Agama Islam Negeri.

Pada bulan Mac 2009, Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur mendakwa enam orang di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia, kerana menghina Sultan Perak dalam blog atau kiriman Internet. Blog-blog ini berkaitan dengan krisis politik Perak selepas pengambilalihan BN pada bulan Februari 2009. Seorang penulis blog mengaku bersalah dan didenda RM10,000. Baki lima orang lagi mengaku tidak bersalah. Pada 22 Jun, mahkamah sesyen membebaskan Muslim Ahmad atas dasar pihak pendakwa gagal membina

satu kes *prima facie* terhadapnya. Pada akhir tahun, perbicaraan terhadap empat orang yang lain masih tertunggak.

Akta Komunikasi dan Multimedia mewajibkan penyedia-penyedia perkhidmatan Internet dan rangkaian tertentu mendapatkan lesen. Sebelum ini, kerajaan telah menyatakan bahawa kerajaan tidak berniat untuk mengenakan kawalan terhadap penggunaan Internet tetapi akan menghukum “penyalahgunaan” teknologi maklumat. Akta ini membenarkan hukuman dikenakan terhadap pemilik sesebuah laman web atau blog kerana membenarkan penerbitan kandungan yang bersifat perkauman, keagamaan atau politik yang dianggap oleh mahkamah sebagai ofensif.

Kebebasan Akademik dan Acara Kebudayaan

Kerajaan mengenakan beberapa sekatan terhadap kebebasan berakademik, terutamanya yang melibatkan pandangan politik yang tidak dibenarkan, dan mengenakan sekatan terhadap para guru dan pelajar yang menyuarakan pandangan yang menentang. Pihak kerajaan masih mewajibkan agar semua kakitangan kerajaan, fakulti universiti, dan para pelajar supaya menandatangani ikrar kesetiaan kepada Yang DiPertuan Agung dan kerajaan. Para pemimpin pembangkang dan pejuang hak asasi mendakwa bahawa kerajaan telah menggunakan ikrar kesetiaan ini untuk mengekang kegiatan politik di kalangan kakitangan awam, ahli-ahli akademik, dan pelajar-pelajar.

Meskipun ahli-ahli fakulti kadangkala mengkritik kerajaan secara terang-terangan, mereka mengamalkan penapisan sendiri memandangkan kemajuan kerjaya dan pembiayaan mereka bergantung kepada kerajaan. Ahli-ahli akademik di institusi swasta juga mengamalkan penapisan sendiri kerana bimbang lesen institusi mereka akan dibatalkan oleh kerajaan. Undang-undang juga mengenakan sekatan terhadap persatuan-persatuan pelajar dan kegiatan-kegiatan politik di kalangan pelajar dan fakulti.

Dalam tahun laporan, Timbalan Perdana Menteri Muhyiddin Yassin memberitahu media yang beliau ingin pemeriksaan ketat bagi pensyarah universiti untuk menghindari ideologi pelampau memasuki sistem universiti. Pentadbiran beberapa universiti bersetuju untuk bekerjasama dengan erat bersama pihak polis dalam mengenalpasti fakulti dan pelajar yang mungkin bersangkutan dengan pelampau.

Pihak kerajaan telah melarang para pelajar untuk tidak terlibat di dalam politik dan menggunakan alasan ini untuk melarang parti-parti politik daripada mendekati persatuan-persatuan pelajar. Menurut pemimpin-pemimpin pelajar, pihak berkuasa akademik pernah membuang atau mendenda pelajar-pelajar yang menandatangani petisyen antikerajaan. Pihak berkuasa sekolah tidak melarang penyebaran pandangan kerajaan tentang isu-isu kontroversi di kampus-kampus universiti.

Pada 11 Ogos, Menteri Pengajian Tinggi Khaled Nordin mengumumkan penegasan kembali kabinet tentang keputusan tahun 1974 yang pelajar-pelajar kolej dan universiti tidak boleh menyertai parti politik selepas seorang pegawai Kementerian Pendidikan menyarankan sekatan dimansuhkan. Namun, ketika perjumpaan Pemuda Barisan Nasional di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 27 Ogos, Perdana Menteri Najib mengatakan bahawa beliau bersifat terbuka dengan idea tentang mahasiswa melibatkan diri dalam politik.

Pada masa lalu, kerajaan menapis dan mengharamkan filem kerana kandungan lucah, kebogelan, seks, keganasan, dan yang berbaur politik dan keagamaan. Tidak ada tindakan tersebut dalam tahun laporan. Namun, pada 27 September, Pengerusi Lembaga Penapisan Filem Negara menggesa larangan import dan

pengedaran anime Jepun, dengan alasan ia mengandungi unsur-unsur negatif yang boleh merosakkan fikiran kanak-kanak. Walaupun kerajaan membenarkan penayangan filem-filem asing di festival filem tempatan, kandungan seksual filem ditapis adengan menghadang skrin sehingga adegan berkenaan berakhir.

Sayap pemuda PAS telah memprotes penyanyi dan kumpulan yang dianggap tidak senonoh dan tidak sesuai dengan nilai-nilai Islam. Kerajaan bertindak dengan membatalkan atau meletakkan syarat pada persembahan oleh beberapa penghibur antarabangsa. Pimpinan kerajaan PAS Kedah meneruskan dasar memberikan lesen hiburan artis wanita hanya bagi penonton wanita. Kerajaan negeri juga mengekalkan larangan menyeluruh terhadap konsert rock, reggae, pop, dan dangdut yang didakwa boleh memberi “kesan negatif” kepada belia.

b. Kebebasan Berhimpun Secara Aman dan Kebebasan Berpersatuan

Kebebasan Berhimpun

Perlembagaan menyatakan bahawa semua rakyat mempunyai “hak untuk berhimpun secara aman tanpa senjata”; namun kerajaan telah mengenakan sekatan terhadap hak ini melalui penggunaan Ordinan Ketenteraman Awam dan Akta Polis. Ordinan Ketenteraman Awam mengehadkan perhimpunan awam yang boleh menggugat keselamatan dan ketenteraman awam, manakala Akta Polis mewajibkan permit polis diperolehi sebelum perhimpunan awam dirancang kecuali untuk para pekerja yang berpiket. Akta Polis mentakrifkan perhimpunan awam sebagai satu perhimpunan yang terdiri daripada lima orang atau lebih.

Keputusan untuk mengeluarkan permit terserah kepada Ketua Polis Daerah. Walau bagaimanapun, para pegawai kanan polis dan pemimpin-pemimpin politik mempengaruhi pemberian atau penolakan sesetengah permit. Pihak polis selalu mengeluarkan permit kepada penyokong kerajaan dan parti perikatan, tetapi menggunakan kaedah yang lebih ketat terhadap para pengkritik kerajaan, parti-parti pembangkang, pertubuhan-pertubuhan NGO, dan para pejuang hak asasi manusia.

Tidak seperti tahun-tahun sebelumnya, tidak ada laporan bahawa kerajaan menggunakan gas pemedih mata dan meriam air bercampur kimia untuk menyuraikan demonstrasi-demonstrasi. Pada 1 Ogos, pihak polis menangkap 25 orang dalam satu perhimpunan nyalaan lilin sebagai membantah ulang tahun ke-50 Akta Keselamatan Dalam Negeri. Di antara mereka yang ditahan adalah Presiden gerakan anti-ISA Syed Ibrahim Syed Noh dan Ahli Majlis Tertinggi PKR Badrul Hisham.

Pada 27 Julai, mahkamah sesyen menjatuhkan hukuman ke atas dua daripada enam pembantah Islam yang pada bulan Ogos 2009 yang telah memijak kepala lembu sebagai memprotes penempatan semula sebuah kuil Hindu ke kawasan mereka, untuk membayar denda RM3,000 atau dipenjarakan selama tiga bulan selepas mereka mengaku bersalah menghasut. Seorang daripada dua lelaki tersebut juga dihukum satu minggu tambahan di dalam penjara. Mahkamah membenarkan pembebasan tanpa dibebaskan daripada tuduhan kepada empat orang yang lain. Keenam-enam mereka dan enam orang lain sebelum ini telah mengaku bersalah atas tuduhan menyertai perhimpunan haram dengan tujuan menimbulkan ketidaktenteraman orang ramai dan diperintahkan untuk membayar denda RM1,000 atau dikenakan penjara sebulan.

Pada akhir tahun laporan, kes sembilan orang yang ditahan kerana menyertai perhimpunan Hari Hak Asasi Manusia Antarabangsa 2007 masih belum selesai.

Pada 20 November, mahkamah sesyen membebaskan 17 orang ahli Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil yang ditahan pada tahun 2007 atas dasar pihak pendakwa gagal membina satu kes *prima facie* ke atas mereka.

Kebebasan Berpersatuan

Perlembagaan memperuntukkan kebebasan untuk berpersatuan, tetapi kerajaan mengenakan syarat yang ketat terhadap hak ini dan beberapa statut mengehadkan kebebasan ini. Di bawah Akta Pertubuhan, hanya pertubuhan berdaftar yang dianggotai tujuh orang ahli atau lebih sahaja boleh berfungsi sebagai persatuan. Pihak kerajaan kadangkala enggan mendaftar sesebuah pertubuhan atau mengenakan syarat-syarat apabila membenarkan sesebuah pertubuhan didaftarkan. Pihak kerajaan telah mengharamkan pendaftaran Parti Komunis dan pertubuhan-pertubuhan berkaitannya kerana dianggap sebagai mengancam keselamatan negara. Pihak kerajaan mempunyai kuasa untuk membatalkan pendaftaran pertubuhan sedia ada kerana kesalahan mencabuli akta. Tidak seperti tahun-tahun sebelumnya, pihak kerajaan tidak menggunakan kuasa ini terhadap mana-mana parti politik pembangkang.

Beberapa pertubuhan hak asasi manusia dan masyarakat sivil sukar mendapat pengiktirafan sebagai pertubuhan NGO daripada pihak kerajaan. Oleh itu, sesetengah NGO didaftarkan sebagai syarikat dan ini telah menimbulkan masalah perundangan serta birokrasi dari segi pungutan derma bagi membiayai aktiviti pertubuhan. Sesetengah NGO juga melaporkan bahawa pihak kerajaan memantau aktiviti-aktiviti mereka.

Akta Universiti dan Kolej Universiti juga menyekat kebebasan berpersatuan. Akta ini memberi mandat kepada pihak universiti untuk meluluskan persatuan pelajar dan melarang persatuan-persatuan pelajar dan ahli fakulti daripada melibatkan diri dalam kegiatan politik (lihat bahagian 2.a.). Ramai pelajar, NGO dan parti politik pembangkang mendesak agar akta tersebut dimansuhkan atau dipinda. Sejumlah pertubuhan dan ahli politik pemerintah juga menyokong agar akta tersebut dikaji semula, namun kerajaan tetap menyatakan bahawa akta ini masih diperlukan. Pada tahun 2008, Parlimen telah meminda akta tersebut untuk membenarkan para pelajar menjadi ahli pertubuhan di luar universiti.

c. Kebebasan Beragama

Untuk keterangan lengkap tentang kebebasan beragama, sila lihat 2010 Laporan Kebebasan Beragama Antarabangsa di www.state.gov/g/drl/ifr/rpt.

d. Kebebasan Bergerak, Orang Buangan Dalam Negara, Perlindungan Pelarian, dan Orang Tanpa Kerakyatan

Perlembagaan memperuntukkan kebebasan untuk bergerak dalam negara, membuat lawatan ke luar negara, emigrasi (penghijrahan), dan repatriasi (penghantaran semula ke negeri asal). Pihak kerajaan umumnya menghormati hak-hak asasi ini, walaupun ada beberapa sekatan yang dikenakan. Negeri-negeri Sabah dan Sarawak di Malaysia Timur mengawal imigresen dan mewajibkan warga Semenanjung Malaysia dan orang asing mengemukakan pasport atau kad pengenalan negara untuk masuk. Kerajaan ada memberikan kerjasama kepada Pesuruhjaya Tinggi PBB bagi Pelarian (UNHCR) dan umumnya tidak menghalang

mana-mana pertubuhan kemanusiaan yang lain daripada memberikan perlindungan dan bantuan kepada para pelarian, pemohon suaka, orang tanpa kerakyatan, dan orang lain yang perlu dilindungi.

Mengikut undang-undang, sesiapa yang memasuki negara tanpa dokumen-dokumen yang diperlukan dianggap pendatang haram dan menghadapi hukuman penjara mandatori sehingga lima tahun, denda tidak melebihi RM10,000, atau kedua-keduanya, dan wajib disebat tidak melebihi enam kali. Pada bulan Jun 2009 kerajaan menyatakan bahawa ia telah menghukum 47,914 migran dengan sebatan kerana kesalahan imigresen sejak pindaan pada Akta Imigresen mula dikuatkuasakan pada tahun 2002. Sekurang-kurangnya 34,923 migran telah disebat antara 2002 dan 2008, menurut catatan Jabatan Penjara Negara. Pada tahun 2010, dalam buku terbitan Amnesty International bertajuk *A Blow to Humanity - Torture by Caning in Malaysia*, pertubuhan itu menganggarkan bahawa kerajaan telah menyebat sebanyak 10,000 tahanan setahun.

Kerajaan mengawal pergerakan di dalam negeri tahanan ISA yang telah dibebaskan dengan bersyarat. Pihak kerajaan juga menggunakan Akta Kediaman Terhad untuk menghadkan pergerakan orang yang disyaki terlibat dalam beberapa kegiatan jenayah.

Setiap warganegara mesti membuat permohonan untuk mendapatkan kebenaran daripada pihak kerajaan bagi lawatan ke negara Israel.

Perlembagaan memperuntukkan bahawa tiada seorang pun warganegara yang boleh dibuang negeri atau disisih dari negara ini. Namun begitu, pada tahun 2008, Chin Peng, yang merupakan bekas pemimpin gerakan komunis, telah gagal dalam cubaannya untuk kembali ke Malaysia apabila Mahkamah Rayuan mengesahkan keputusan awal yang memerlukan dia mengemukakan bukti kewarganegaraannya. Keputusan tersebut telah memaksanya untuk terus hidup dalam buangan di Thailand. Pada bulan April 2009 Mahkamah Persekutuan mengesahkan putusan Mahkamah Rayuan.

Penulis blog pembangkang Raja Petra Kamarudin yang membuang diri sendiri di London berkata beliau hanya akan kembali ke negara untuk menghadapi tuduhan hasutan apabila beliau yakin tidak akan ditahan di bawah ISA.

Perlindungan Pelarian

Negara ini bukan ahli dalam Konvensyen PBB 1951 berhubung dengan Status Pelarian dan Protokol PBB 1967, dan undang-undang negara ini tidak memberi status pelarian atau pemohon suaka. Kerajaan belum mewujudkan satu sistem untuk memberi perlindungan kepada pelarian. Kerajaan tidak memberikan status pelarian atau suaka. Pihak kerajaan tidak memberikan perlindungan terhadap tindakan mengusir atau menghantar balik pelarian ke negara-negara di mana nyawa atau kebebasan mereka boleh diancam disebabkan ras, agama, kerakyatan, keanggotaan dalam kelompok sosial tertentu, atau pandangan politik. Pada masa yang sama, pihak kerajaan umumnya bekerjasama dengan UNHCR dan tidak mengusir individu-individu yang berdaftar sebagai pelarian dengan UNHCR dan yang sedang diproses bagi tujuan penempatan semula di negara-negara ketiga.

Umumnya, pihak kerajaan tidak membezakan antara pemohon suaka dengan pendatang haram, dan menahan mereka di pusat-pusat tahanan imigresen yang sama. Bermula April 2009, kerajaan memberikan layanan istimewa kepada mereka yang membawa kad UNHCR. Laporan-laporan mengenai

pengusiran beberapa pelarian dan pemohon suaka yang mempunyai kad pelarian UNHCR oleh kerajaan telah dihentikan pada Julai 2009.

Menurut pegawai kerajaan, terdapat lebih kurang empat juta warga asing di negara ini, di mana hampir satu juta daripada mereka adalah pendatang haram dan tidak mempunyai dokumen. Majoriti pendatang haram adalah berasal dari Indonesia. Selain itu, seramai 61,000 Muslim Filipina yang melarikan diri daripada pemberontakan Moro pada tahun 1970 dilaporkan tinggal di negara ini. Walaupun mereka tidak secara sah dibenarkan bekerja, kerajaan biasanya tidak menguatkuasakan undang-undang yang melarang pelarian berdaftar daripada bekerja. Pada 18 November, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Mahmood Adam berkata Kabinet akan memutuskan pada bulan Disember jika kerajaan membenarkan pelarian untuk bekerja di negara ini. Namun tiada perkembangan lebih lanjut sepanjang tahun laporan.

UNHCR telah mendaftarkan seramai 91,985 orang yang perlu dilindungi di negara ini pada tahun laporan. Daripada jumlah itu, seramai 18,378 adalah kanak-kanak. Majoriti pendatang haram bekerja di kawasan pembinaan, restoran-restoran, ladang-ladang, dan kilang-kilang pakaian, serta dalam industri seks.

Kerajaan menyediakan akses kepada perkhidmatan kesihatan bagi pelarian dengan kad UNHCR pada kadar diskaun rakyat asing, namun pada umumnya kos ini di luar kemampuan mereka. Klinik bergerak yang dikendalikan oleh pertubuhan-pertubuhan NGO boleh didapati tetapi mempunyai akses terbatas.

Pelarian-pelarian tidak mempunyai akses pendidikan formal. Walaupun terdapat sekolah yang dikendalikan oleh pertubuhan-pertubuhan NGO dan komuniti-komuniti etnik, peluang untuk bersekolah dihadkan oleh kekurangan sumber dan guru yang berkualiti.

Pada tahun-tahun sebelumnya terdapat banyak tuduhan daripada pertubuhan-pertubuhan NGO, pertubuhan-pertubuhan antarabangsa, dan kumpulan-kumpulan masyarakat sivil bahawa pegawai imigresen yang terlibat dalam pemerdagangan pelarian Burma dari PTI ke Thailand, di mana sesetengah pelarian dijual sebagai hamba. Tidak ada laporan pemerdagangan orang sepanjang tahun laporan. Pertubuhan-pertubuhan NGO dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa melaporkan bahawa tuduhan penyalahgunaan kuasa oleh RELA telah menurun sejak bulan April 2009. Namun, RELA terus melakukan serbuan-serbuan yang menyasarkan komuniti pendatang haram dan menahan pelarian dan pemohon suaka bersama pendatang haram. Menurut pertubuhan-pertubuhan NGO tempatan dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa, PTI membenarkan mereka dengan dokumen UNHCR akses kepada UNHCR ketika dalam tahanan. Pelarian dengan kad UNHCR kadangkala ditahan ketika serbuan tetapi dibebaskan selepas pihak berkuasa berpuas hati dengan dokumen mereka. Sejak April 2009, pihak kerajaan juga memberikan akses kepada pelarian tanpa kad pendaftaran UNHCR dan semua tahanan rakyat Burma di PTI untuk mengesahkan sama ada mereka pemohon suaka.

Kebanyakan pemohon suaka pergi ke Kuala Lumpur untuk keputusan penentuan kerana UNHCR tidak mempunyai pejabat di sempadan negara. Pada tahun 2009 dan awal tahun laporan, UNHCR melakukan pendaftaran bergerak di kawasan yang mempunyai kepadatan tinggi pelarian. Pada tahun laporan, UNHCR telah menyenaraikan 91,985 orang sebagai pemohon suaka dan pelarian, sekitar 92 peratus adalah warganegara Burma dengan kumpulan Chin dan Rohingya yang paling banyak, dan sejumlah lain daripada kumpulan Kachin, Karen, dan Sun. UNHCR telah mendaftar 9,539 pelarian melalui pendaftaran bergerak dari Januari hingga Mac.

Pada tahun laporan, UNHCR telah menghantar 12,648 pelarian ke negara-negara ketiga untuk dipertimbangkan penempatan kembali. Negara-negara ketiga telah menerima dan menempatkan 7,955 orang pelarian sepanjang tahun laporan.

Sepanjang tahun itu, kakitangan UNHCR telah melakukan banyak lawatan ke pelbagai penjara dan PTI di seluruh negara untuk memberikan kaunseling dan bantuan kepada mereka yang memerlukan perlindungan dan memastikan mempunyai wakil guaman.

Pertubuhan-pertubuhan NGO melaporkan bahawa keadaan di pusat-pusat tahanan imigresen adalah sesak, kotor, dan kekurangan kemudahan perubatan secukupnya (lihat bahagian 1.c.).

Orang Tanpa Kerakyatan

Kerakyatan diperoleh daripada ibu bapa seseorang. Pihak NGO menganggarkan bilangan orang tanpa kerakyatan seramai antara beberapa ribu hingga seramai 30,000 orang. Sebuah kerajaan asing menganggarkan kira-kira 10 hingga 20 peratus daripada 60,000 pendatang haram dan orang yang perlu dilindungi di Sabah adalah kanak-kanak tanpa kerakyatan yang dilahirkan di negeri itu. Para pegawai kerajaan menafikan kemudahan pendidikan, rawatan perubatan, dan hak memiliki tanah kepada mereka yang tidak mempunyai kerakyatan.

Sesetengah mereka yang tiada kerakyatan adalah berpunca daripada keengganan pihak kerajaan mendaftarkan kelahiran mereka kerana ketiadaan bukti yang cukup tentang taraf perkahwinan ibu bapa. Perkahwinan antara agama yang tidak diiktiraf oleh kerajaan kerap kali mengakibatkan anak-anak tidak mempunyai dokumen sah, dan secara *de facto*, kanak-kanak ini tidak mempunyai kerakyatan.

Bahagian 3 Menghormati Hak Politik: Hak Rakyat Untuk Menukar Kerajaan

Undang-undang memperuntukkan hak kepada rakyat untuk menukar kerajaan secara aman dan rakyat melaksanakan hak ini melalui pilihan raya berkala berdasarkan hak mengundi umum. Meskipun secara umumnya jumlah undi dikira dengan tepat, terdapat ketidakseimbangan yang menjejaskan keadilan pilihan raya dan secara amalan, hak ini disekat.

Pilihan Raya dan Penyertaan Politik

Parti pembangkang tidak mampu bersaing secara sama rata dengan parti gabungan Barisan Nasional pimpinan parti Melayu UMNO yang telah memegang tampuk pemerintahan sejak kemerdekaan pada tahun 1957. Ini kerana terdapat sekatan-sekatan yang dikenakan terhadap kempen, kebebasan berhimpun dan bersatu, serta akses kepada media. Namun begitu, calon-calon pembangkang tetap berkempen dengan giat, dan pada pilihan raya yang berlangsung pada tahun 2008 parti-parti pembangkang telah berjaya menawan 82 daripada 222 kerusi Parlimen dan 198 daripada 505 kerusi Dewan Undangan Negeri, menawan lima daripada 13 kerajaan negeri dan mendapat 49 peratus undi popular seluruh negara. Buat pertama kalinya sejak tahun 1969, pihak pembangkang telah berjaya menghalang majoriti dua pertiga parti perikatan yang memerintah dan menyekat kebolehan pihak kerajaan meminda perlembagaan dengan sesuka hati. Parti-parti pembangkang telah memenangi lapan daripada 11 pilihan raya kecil sejak pilihanraya umum Mac 2008.

Pada 16 Disember, Anwar Ibrahim dan tiga orang ahli parlimen pembangkang yang lain digantung dari menghadiri Parlimen selama enam bulan. Sebab Anwar digantung adalah kerana beliau membuat kenyataan mengelirukan kepada Parlimen apabila beliau mengaitkan slogan 1Malaysia oleh Perdana Menteri dengan konsep One Israel. Tiga lagi ahli parlimen yang digantung adalah kerana menghina parlimen disebabkan penentangan mereka terhadap penggantungan Anwar.

Pada 25 April, calon BN P. Kamalanathan mengalahkan calon PKR Zaid Ibrahim dalam pilihan raya kecil Hulu Selangor. Pada 24 Mei, Zaid Ibrahim memfailkan petisyen kepada mahkamah tinggi untuk membatalkan keputusan. Pada 5 Ogos, mahkamah menolak permohonan tersebut.

Pada 16 Mei, calon DAP Wong Ho Leng mengalahkan calon BN dalam pilihan raya kecil Sibu di Sarawak. Sebelum pilihan raya berlangsung, pemimpin DAP telah mengemukakan laporan rasmi kepada Suruhanjaya Pilihan Raya dengan mendakwa bahawa Perdana Menteri dan para pemimpin BN telah melanggar undang-undang pilihan raya dengan menjanjikan berjuta-juta ringgit dalam bentuk projek pembangunan bagi kawasan pengundian. Pada 20 Mei, Suruhanjaya Pilihan Raya menolak laporan itu dan mendakwa ia tidak mempunyai bidang kuasa untuk menyiasat dakwaan tersebut kerana undang-undang pilihan raya hanya terpakai atas dakwaan terhadap calon atau agen mereka. Suruhanjaya Pilihan Raya menyatakan bahawa DAP harus merujuk laporan mereka kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Pada 9 Februari, sebuah panel Mahkamah Persekutuan yang terdiri daripada lima orang telah mengesahkan keputusan Mahkamah Rayuan yang membatalkan keputusan mahkamah tinggi dan memutuskan bahawa Sultan Perak mempunyai kuasa untuk menyingkirkan Menteri Besar sebuah negeri. Perkara ini menamatkan kejadian mengelirukan dan memalukan yang bermula pada bulan Februari 2009 di mana BN kembali menguasai Perak, satu daripada lima negeri yang dimenangi oleh pakatan pembangkang PR, apabila tiga orang Ahli Dewan Undangan Negeri PR menyatakan sokongan kepada BN dan sultan membubarkan kerajaan negeri yang dikuasai pembangkang dan melantik kerajaan negeri BN.

Parti-parti politik tidak mampu beroperasi dengan adanya sekatan atau campur tangan luar. Ketiadaan akses yang saksama kepada media merupakan salah satu masalah yang paling serius dihadapi oleh pihak pembangkang semasa pilihan raya umum tahun 2008 dan pilihan raya kecil berikutnya. Para pemimpin parti pembangkang juga mendakwa bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya dikawal oleh kerajaan dan tidak mempunyai kebebasan untuk menjalankan tugas secara adil. Pihak pembangkang banyak mengadu mengenai penyelewengan oleh para pegawai pilihan raya semasa kempen, tetapi bagi kebanyakan pemerhati perkara ini tidak banyak mengubah keputusan pilihan raya tersebut. Pihak NGO dan para pemimpin parti pembangkang telah membuat aduan tentang pendaftaran pengundi-pengundi “hantu” yang dikatakan telah dibawa masuk dari daerah lain untuk mengundi di kawasan yang menghadapi persaingan sengit; daftar pengundi yang diperbesar bilangannya; pengundi tidak berdaftar yang menggunakan nama rekaan atau nama orang yang sudah meninggal dunia tetapi masih tersenarai dalam daftar pengundi; dan penduduk bukan warganegara yang didaftarkan sebagai pengundi.

Perlembagaan menyatakan bahawa bilangan pengundi layak di kawasan-kawasan pengundian parlimen harus mempunyai anggaran bilangan pengundi yang sama banyak. Namun, hakikatnya bilangan pengundi antara kawasan-kawasan sangat berbeza. Misalnya, kawasan pengundian Putrajaya mempunyai 6,606 orang pengundi, manakala kawasan pengundian Seputeh di Kuala Lumpur mempunyai 76,891 orang pengundi. Di Gopeng, Perak, bilangan para pengundinya ialah 74,344 orang berbanding di

Lenggong yang hanya mempunyai 23,223 orang pengundi. Setiap kawasan pengundian ini mempunyai seorang Ahli Parlimen.

Lama kelamaan, kuasa semakin tertumpu pada Perdana Menteri, dan fungsi parlimen sebagai badan perundangan semakin merosot. Parlimen jarang sekali meminda atau menolak undang-undang yang dicadangkan oleh kerajaan dan tidak memberikan pertimbangan yang serius terhadap cadangan undang-undang yang dikemukakan oleh pihak pembangkang. Prosedur parlimen memberi kuasa kepada Speaker parlimen untuk menggantung ahli parlimen, menyekatnya daripada bertanya soalan, menyunting ucapan bertulis ahli parlimen sebelum disampaikan, dan banyak mengehadkan peluang ahli parlimen untuk menyoal dan membahaskan dasar-dasar kerajaan. Dengan meningkatnya bilangan ahli parlimen pihak pembangkang sejak tahun 2008, para pegawai kerajaan sering disoal dengan tegas di Parlimen, dan pihak akhbar membuat liputan secara lebih terperinci berbanding sebelum ini.

Di bawah Akta Kerajaan Tempatan, pemilihan pegawai awam hanya terhad pada Dewan Undangan Negeri dan Parlimen Persekutuan. Semua pegawai kerajaan tempatan dan perbandaran telah dilantik oleh kerajaan pusat sejak rusuhan kaum tahun 1969. Beberapa ahli politik dan aktivis NGO telah mengesyorkan agar diperkenalkan semula pilihan raya bagi kerajaan tempatan. Beberapa pegawai perbandaran parti pemerintah mengakui bahawa pihak-pihak berkuasa tempatan hanya merupakan “pak turut” kerajaan semata-mata.

Wanita tidak menghadapi sekatan undang-undang untuk menyertai kerajaan dan politik. Pada akhir tahun laporan, dua daripada 32 menteri kabinet adalah wanita. Kaum wanita memegang 23 daripada 222 kerusi Dewan Rakyat dan 17 daripada 68 kerusi Dewan Negara.

Secara amalnya, dominasi politik oleh bangsa Melayu bererti orang Melayu memegang jawatan-jawatan pemimpin kanan yang paling berkuasa. Mereka yang bukan Melayu mengisi 11 daripada 29 jawatan menteri dan 23 daripada 42 jawatan timbalan menteri.

Bahagian 4 Rasuah dan Ketelusan Kerajaan

Undang-undang mengenakan hukuman jenayah terhadap para pegawai kerajaan yang terlibat dalam rasuah. Namun begitu, pihak kerajaan gagal melaksanakan undang-undang tersebut secara berkesan dan para pegawai kerajaan kerap terlibat dalam amalan rasuah tanpa dikenakan sebarang hukuman. Pihak media melaporkan beberapa kes rasuah oleh pegawai kerajaan. Secara umumnya, orang ramai beranggapan bahawa rasuah dan kronisme diamalkan secara meluas oleh parti pemerintah dan institusi-institusi kerajaan. SPRM bertanggungjawab untuk menyiasat dan menghukum pesalah rasuah di badan-badan swasta dan awam.

Pada 8 Julai, akhbar *The Star* melaporkan bahawa SPRM telah menahan 194 orang dari Januari hingga 31 Mei kerana terlibat dalam percubaan menyogok pegawai awam. SPRM dilaporkan juga telah menahan 140 pegawai kerajaan kerana menerima rasuah.

Pada 15, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dikuatkuasakan. Akta ini digubal untuk melindungi individu yang mendedahkan maklumat tentang amalan rasuah baik di sektor awam atau swasta.

Tinjauan yang dibuat oleh pertubuhan-pertubuhan NGO antarabangsa mendapati polis sebagai sebuah organisasi yang paling korup di antara organisasi-organisasi kerajaan di Malaysia. Tinjauan tahun 2009

oleh Kementerian Dalam Negeri mencatatkan bahawa 70 peratus responden telah merasuah pegawai polis dalam keadaan terpaksa. Kesalahan-kesalahan pihak polis yang dilaporkan termasuk menerima rasuah dan mencuri.

Pada bulan Mei 2009, kerajaan mendedahkan laporan audit bebas projek Zon Bebas Pelabuhan Klang yang menunjukkan kos pembinaan telah meningkat daripada RM1.1 bilion pada tahun 2001 menjadi sekitar RM12.5 bilion. Pemerhati yang berwibawa mendakwa penglibatan individu-individu berpengaruh dalam politik, kerajaan, dan sektor swasta menyebabkan kekurangan proses semak dan imbang yang sepatutnya dan penyalahgunaan dana awam. Pada Oktober 2009, kerajaan mengumumkan penubuhan pasukan petugas khas untuk bertindak terhadap kesalahan atau perilaku jenayah individu atau entiti yang terbabit dalam projek tersebut dan mengesyorkan tindakan terhadap mereka. Pada Disember 2009, pihak berkuasa menahan dan mendakwa bekas pengurus besar Pihak Berkuasa Pelabuhan Klang, Oi Choo Phang, ketua pegawai operasi, Stephen Abok, dan arkitek, Bernard Tan Swee Seng. Pada Disember 2009, individu keempat, Law Jenn Dong yang merupakan seorang jurutera, juga ditangkap dan didakwa. Pada 29 Julai, Mahkamah Sesyen Kajang mendakwa bekas Menteri Pengangkutan dan bekas Presiden Persatuan Cina Malaysia (MCA, satu parti komponen BN yang memerintah), Ling Liong Sik kerana penglibatannya dalam projek PKFZ. Kes ini masih tertangguh pada akhir tahun laporan.

Pegawai kerajaan yang enggan atau gagal mengisytiharkan aset mereka akan dikenakan tindakan disiplin dan hilang kelayakan untuk kenaikan pangkat.

Akta Rahsia Rasmi melarang penyebaran maklumat rahsia. Akta ini merangkumi dokumen mengenai keselamatan negara, pertahanan, dan hubungan antarabangsa. Namun, para pengkritik menuduh kerajaan menggunakan akta ini untuk mencegah penyebaran maklumat dan menyekat perbezaan pendapat.

Tidak ada undang-undang yang digubal untuk memudahkan rakyat meminta statistik atau maklumat lain yang dikumpul dan disusun oleh pihak kerajaan. Ahli-ahli parlimen dibenarkan untuk meminta dan memperoleh maklumat tersebut secara ad hoc, yang kemudiannya boleh dikongsi kepada orang ramai.

Laporan November 2009 daripada Kumpulan Pakar-pakar PBB mengenai Republik Demokratik Congo (RDC) melaporkan bahawa Malaysia Smelting Corporation, yang berpusat di Malaysia, wang pembelian sumber alam semulajadi di negara itu mungkin secara langsung atau tidak langsung digunakan oleh pihak-pihak yang melanggar hak asasi manusia di RDC Timur.

Bahagian 5 Sikap Kerajaan Terhadap Siasatan Antarabangsa dan Bukan Kerajaan Berkaitan Tuduhan Pencabulan Hak Asasi Manusia

Beberapa kumpulan hak asasi manusia tempatan dan antarabangsa umumnya dapat beroperasi tanpa sekatan kerajaan dan mampu menjalankan penyiasatan serta menyiarkan penemuan mereka berkaitan kes-kes hak asasi manusia. Dalam beberapa kes, para pegawai kerajaan agak bersedia memberikan kerjasama dan perhatian terhadap pandangan mereka.

Pada tahun 2009, pertubuhan NGO wanita SIS telah mengkritik hukuman rotan ke atas Kartika Shukarno - yang kemudian diringkankan - kerana minum alkohol di khalayak umum (lihat bahagian 1.c.). Beberapa kumpulan konservatif Islam telah membuat laporan polis terhadap SIS kerana dipercayai telah menghina sistem syariah. Polis mengambil kenyataan daripada kakitangan SIS sebagai sebahagian daripada siasatan aduan pelanggaran undang-undang jenayah keseksaan kerana menyebabkan ketakharmonian,

perpecahan, perasaan permusuhan, kebencian, atau busuk hati, atau menyebabkan prasangka yang merosakkan keharmonian atau perpaduan, berdasarkan agama. Tidak ada perkembangan lebih lanjut semasa tahun laporan (lihat bahagian 6, Wanita).

Pada 16 Jun, AI menerbitkan laporan bertajuk *Abused and Abandoned: Refugees Denied Rights in Malaysia* (Dianiaya dan Ditinggalkan: Pelarian Dinafikan Hak-hak di Malaysia). Walaupun laporan ini umumnya bersikap kritis terhadap usaha Malaysia untuk memberikan perlindungan bagi para pelarian, ia mengakui kerjasama kerajaan. Laporan AI mencatatkan bahawa pada bulan Julai 2009, “Amnesty International diberikan akses yang tak disekat yang belum pernah terjadi sebelumnya kepada tiga kemudahan pusat penahanan imigresen di dalam dan di sekitar ibu negara, Kuala Lumpur.” UNHCR dan ahli-ahli korps diplomatik juga mencatatkan kesediaan kerajaan untuk membenarkan mereka melawat ke pusat-pusat penahanan imigresen dan pusat-pusat perlindungan mangsa pemerdagangan.

Pihak kerajaan telah memberi kerjasama kepada beberapa pertubuhan antarabangsa pada tahun laporan. Kerajaan juga telah memberi kerjasama kepada UNHCR untuk menempatkan para pelarian ke negara-negara ketiga.

SUHAKAM lazimnya dianggap sebagai pihak pemantau yang boleh dipercayai dari beberapa aspek hak asasi manusia. SUHAKAM tidak mempunyai bidang kuasa untuk menyiasat sebarang tuduhan berkaitan kes-kes yang sedang dibicara di mahkamah dan mesti menghentikan penyiasatannya jika tuduhan yang disiasat menjadi bahan perbincangan di mahkamah.

Pada 7 Jun, Perdana Menteri mengumumkan pelantikan Hasmy Agam sebagai pengerusi SUHAKAM, dan beliau juga telah melantik enam pesuruhjaya baru. Pada 23 September, Hasmy mengumumkan bahawa Suruhanjaya telah mencadangkan bahawa kerajaan memberikan ia kuasa untuk membuat litigasi kes-kes hak asasi manusia.

Pengerusi Suhakam telah menjelajah ke seluruh negeri untuk mendidik para pemimpin masyarakat, termasuk pegawai-pegawai polis tentang kepentingan hak asasi manusia. Pesuruhjaya-pesuruhjaya juga melakukan beberapa lawatan ke penjara-penjara di seluruh negara untuk memantau keadaan penjara. Mereka berkali-kali mencatatkan tindak balas lambat pihak kerajaan terhadap laporan mereka yang menyentuh tentang kebebasan asas.

Bahagian 6 Diskriminasi, Penganiayaan Masyarakat dan Pemerdagangan Orang

Perlembagaan memperuntukkan perlindungan yang saksama di bawah undang-undang dan melarang diskriminasi terhadap rakyat berdasarkan jantina, agama, bangsa, keturunan atau tempat lahir. Walau bagaimanapun, perlembagaan juga memperuntukkan “kedudukan istimewa” kepada orang Melayu dan penduduk pribumi di Malaysia Timur, iaitu Sabah dan Sarawak (secara kolektifnya bumiputra) dan diskriminasi berdasarkan peruntukan ini masih berlaku.

Wanita

Kanun keseksaan menyatakan bahawa perogol boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 30 tahun, sebat, dan denda. Pihak kerajaan menguatkuasakan undang-undang ini dengan berkesan. Satu pindaan Kanun Keseksaan 2007 yang menjadikan rogol kelamin satu jenayah. Pada bulan Ogos 2009, sebuah

mahkamah sesyen di negeri Pahang telah menjatuhkan hukuman maksimum penjara lima tahun terhadap seorang lelaki dan kes ini dipercayai yang pertama diadili di bawah pindaan undang-undang tersebut.

Mahkamah boleh memutuskan hukuman penjara minimum bagi lelaki yang disabitkan memperkosa seorang gadis berusia 15 tahun atau kurang. Undang-undang juga melarang seseorang yang ada kuasa daripada menggunakan kedudukannya untuk mengugut orang bawahannya supaya mengadakan hubungan seks.

Keganasan terhadap wanita masih menjadi satu masalah. Laporan kes rogol dan penganiayaan isteri telah menarik perhatian pihak kerajaan, NGO, dan akhbar. Di Bawah Akta Keganasan Rumah Tangga, sesiapa yang sengaja melanggar perintah perlindungan mahkamah dengan menggunakan keganasan terhadap orang yang dilindungi boleh dihukum penjara sehingga setahun dan didenda sehingga RM2,000. Dalam kes-kes teruk yang melibatkan “kecederaan parah” akibat penggunaan senjata berbahaya, tempoh maksimum penjara dipanjangkan kepada 20 tahun. Kumpulan-kumpulan wanita mengkritik akta tersebut sebagai tidak memadai dan memohon supaya pindaan dibuat untuk menyetatkannya lagi. Pada pendapat mereka, akta tersebut tidak melindungi wanita dalam keadaan cemas kerana akta ini memerlukan dua aduan penganiayaan yang dikemukakan secara berasingan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pihak polis, lantas melambatkan proses pengeluaran perintah sekatan. Kes-kes tersebut juga memerlukan tanda bukti berlaku kecederaan fizikal, meskipun tafsirannya merangkumi penderaan seksual dan psikologi. Pada 20 April, The Star melaporkan statistik pemerkosaan berikut yang dikeluarkan oleh Menteri Dalam Negeri: Pada tahun 2008 terdapat 3,409 laporan polis yang dikemukakan oleh mangsa perkosaan dan 3,626 pada tahun 2009. Daripada kes-kes yang dilaporkan pada tahun 2008, polis menangkap 2,261 suspek dan 184 di antaranya didakwa. Dari 3,626 kes yang dilaporkan pada tahun 2009, 2,301 suspek ditahan dan 162 dari mereka didakwa. Menurut satu laporan bulan Disember oleh Kementerian Dalam Negeri, 2,426 kes rogol telah dilaporkan dari Januari hingga Ogos, dan 119 telah didakwa.

Kebanyakan hospital kerajaan menyediakan pusat krisis di mana mangsa rogol dan penderaan rumahtangga boleh membuat laporan tanpa pergi ke balai polis. Pertubuhan-pertubuhan NGO dan parti-parti politik juga memberi kerjasama dalam menyediakan kaunseling kepada mangsa rogol. Namun, sikap budaya dan tanggapan kurang simpati daripada pihak polis yang sebahagian besarnya terdiri daripada anggota lelaki mengakibatkan ramai di kalangan mangsa tidak melaporkan kes rogol. Mengikut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat dan sebuah badan NGO wanita yang terkemuka, hanya 10 peratus daripada kes-kes rogol telah dilaporkan kepada polis. Kumpulan-kumpulan wanita mendapati bahawa mahkamah tidak konsisten dalam menghukum perogol.

Walaupun kerajaan, pertubuhan-pertubuhan NGO, dan parti-parti politik menyediakan pusat perlindungan dan bantuan lain kepada wanita yang didera suaminya, namun para aktivis tetap mendakwa bahawa mekanisme sokongan bagi mangsa keganasan rumahtangga masih tidak mencukupi. Pihak polis menubuhkan unit siasatan jenayah seks di setiap ibu pejabat polis untuk membantu mangsa jenayah dan penderaan seks. Golongan aktivis hak asasi wanita mendakwa bahawa pihak polis perlu menjalani latihan tambahan bagi mengendalikan kes-kes keganasan rumahtangga dan rogol.

Sesetengah pakar undang-undang syariah menggesa kaum wanita Islam supaya lebih peka dengan peruntukan undang-undang syariah yang melarang penderaan isteri serta membenarkan perceraian atas dasar penganiayaan fizikal. Namun begitu, peruntukan dalam undang-undang syariah negeri umumnya

melarang isteri daripada berlaku “derhaka” terhadap suami dan ini menghalang wanita daripada membuat tuntutan terhadap suami mereka di mahkamah syariah. Wanita Islam boleh memfailkan aduan di mahkamah sivil.

Kod etika sukarela kerajaan memberikan definisi terperinci tentang gangguan seksual, yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap masalah tersebut. Namun kumpulan-kumpulan wanita menyarankan satu undang-undang yang berasingan digubal bagi kesalahan gangguan seksual. Persekutuan Majikan Malaysia menentang sebarang cubaan untuk menggubal undang-undang yang melarang gangguan seksual di tempat-tempat kerja dengan alasan bahawa dasar kerajaan ini akan menimbulkan sekatan yang keterlaluan dalam pengurusan hubungan pekerja. Pada Disember 2009, Kementerian Sumber Manusia mengumumkan terdapat 276 kes gangguan seksual yang telah dilaporkan sejak 1999, di mana 271 telah diselesaikan. Menurut sebuah laporan bulan Disember oleh Kementerian Dalam Negeri, 1,441 kes gangguan seksual telah dilaporkan dari Januari hingga Ogos, dengan 73 dibawa ke mahkamah.

Dalam usaha untuk mengurangkan gangguan seksual ketika dalam perjalanan, kerajaan memperkenalkan perkhidmatan pengangkutan awam untuk wanita. Pada bulan April, Keretapi Tanah Melayu memperkenalkan gerabak untuk wanita di keretapinya, dan pada bulan Disember sebuah perkhidmatan bas untuk wanita sahaja dilancarkan di Kuala Lumpur.

Pasangan dan individu mempunyai hak untuk menentukan jumlah, jarak, dan waktu kelahiran anak-anak mereka. Alat pencegah kehamilan seperti pil kawalan kelahiran dan kondom adalah dibenarkan dan mudah didapati walaupun seorang pakar dari sebuah pertubuhan NGO tempatan menganggarkan hanya 50 peratus wanita menggunakan pencegah kehamilan dalam jenis apa pun. Sebahagian besar kelahiran dimudahkan oleh pekerja perubatan mahir, dan wanita umumnya mempunyai akses kepada penjagaan selepas bersalin. Menurut statistik PBB tahun 2008, kadar kematian bersalin adalah 31 untuk 100,000 kelahiran. Wanita dan laki-laki umumnya mempunyai akses yang sama kepada perkhidmatan diagnostik dan rawatan untuk jangkitan menular seksual, termasuk HIV.

Para pejuang hak asasi wanita menegaskan bahawa wanita menghadapi layanan yang berbeza di mahkamah syariah akibat tafsiran undang-undang keluarga Islam yang berat sebelah.

Pada Ogos 2009, gabungan NGO yang dipanggil Kumpulan Tindakan Bersama bagi Kesamaan (JAG) mengeluarkan kenyataan akhbar yang menyatakan bahawa sabitan kesalahan minum alkohol ke atas Kartika Shukarno menunjukkan diskriminasi terhadap kaum wanita Islam di negara ini (lihat bahagian 1.c.). SIS, anggota kumpulan JAG, menghadapi tindak balas pertubuhan-pertubuhan NGO Islam konservatif. Pada bulan September 2009, JAG mengeluarkan siaran akhbar yang mengutuk hukuman Kartika dan berkata bahawa ia "menjejaskan usaha-usaha kerajaan untuk menggambarkan Malaysia sebagai negara Islam moderat." Pada bulan Februari, SIS mengkritik hukuman sebatan atas tiga orang wanita kerana berzina. SIS mendesak kerajaan untuk menyemak hukuman rotan sebagai bentuk hukuman di bawah Akta Kesalahan Jenayah Syariah. Ia berpendapat bahawa beberapa undang-undang syariah bertentangan dengan peruntukan perlembagaan persekutuan yang melarang diskriminasi atas dasar jantina. Pertubuhan-pertubuhan NGO Islam konservatif termasuk Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah memfailkan lebih 50 laporan polis terhadap SIS dengan menuduhnya menghina sistem perundangan syariah, raja, dan perlembagaan. Seorang ahli parlimen telah meminta Majlis Fatwa Kebangsaan untuk menyiasat SIS. Pada 12 Mac, khutbah-khutbah Jumaat masjid yang dikeluarkan oleh

MAIS menyeru masyarakat untuk mengambil tindakan terhadap SIS dan pegawai-pegawainya. Polis mengambil kenyataan dari pekerja SIS sebagai sebahagian daripada penyiasatan atas dugaan pelanggaran undang-undang jenayah kerana menyebabkan ketidakharmonian, perpecahan, perasaan permusuhan, kebencian, atau sakit akan, atau merugikan penyelenggaraan keharmonian atau kesatuan, atas dasar agama. Tidak ada perkembangan lebih lanjut pada tahun laporan ini.

Undang-undang membenarkan poligami dan sebilangan kecil lelaki Islam mengamalkan poligami. Undang-undang pewarisan Islam umumnya mengutamakan anak dan saudara lelaki. Semakin ramai wanita berjaya mendapat perceraian melalui peruntukan undang-undang syariah yang membenarkan perceraian tanpa izin suami, walaupun bilangannya masih kecil.

Wanita bukan Islam tertakluk pada undang-undang sivil. Akta Penjagaan Wanita dan Kanak-kanak memberikan hak penjagaan yang sama rata kepada ibu. Empat buah negeri telah meluaskan peruntukan akta ini untuk memihak kepada ibu yang beragama Islam, dan kumpulan-kumpulan wanita menggesa agar negeri-negeri lain turut berbuat demikian.

Pihak kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif untuk berlaku adil kepada golongan wanita serta penglibatan wanita dari segi pendidikan dan pekerjaan. Misalnya, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menganjurkan beberapa program dan bengkel untuk menggalakkan kaum wanita menyertai komuniti perniagaan dan menjalankan perniagaan bersaiz kecil dan sederhana. Pada bulan Ogos, Kementerian Wanita melancarkan Simposium mengenai Keusahawanan Wanita pada tahun 2010, termasuk geran sebanyak RM4.7 juta untuk 946 usahawan wanita di negara ini.

Kaum wanita sering didiskriminasi dalam bidang ekonomi dari segi mendapatkan pekerjaan. Pada Disember 2009, Menteri Sumber Manusia mengumumkan terdapat 3.8 juta wanita berbanding 7.2 juta lelaki dalam tenaga kerja. Pada bulan Mei SUHAKAM melaporkan bahawa wanita terus didiskriminasi di tempat kerja dari segi kenaikan pangkat dan gaji. Hanya 20 peratus mereka yang berada di peringkat membuat keputusan dalam kerajaan adalah wanita dan peratusan ini lebih rendah daripada di dalam sektor swasta. Wanita sering ditanya mengenai status perkahwinan mereka semasa temuduga mendapatkan pekerjaan. Pada tahun 2008, kerajaan negeri Kedah mengumumkan bahawa artis wanita hanya dibenarkan membuat persembahan di hadapan penonton wanita sahaja. JAG telah mengecam tindakan kerajaan negeri kerana mencabuli hak kesamaan jantina yang dilindungi oleh perlembagaan.

Kanak-kanak

Kewarganegaraan seseorang berasal daripada ibu bapa mereka (lihat Bahagian 2.d.). Ibu bapa mesti mendaftarkan anak mereka dalam masa 14 hari selepas lahir. Pihak berkuasa mewajibkan rakyat supaya mengemukakan sijil perkahwinan dan kad pengenalan MyKad kedua-dua ibu bapa mereka. Bukan warganegara perlu menunjukkan passport atau dokumen perjalanan mereka. Ibu bapa yang membuat pendaftaran lewat mesti membuktikan bahawa anak itu dilahirkan di negara ini. Pihak berkuasa tidak memasukkan maklumat si bapa bagi anak luar nikah kecuali permohonan bersama dikemukakan oleh ibu dan orang yang mengaku dirinya sebagai bapa kepada anak tersebut. Pihak berkuasa tidak mendaftar anak yang dilahirkan oleh pendatang haram atau pemohon suaka. Pemohon suaka yang mendaftarkan kelahiran anak akan menghadapi risiko ditahan sebagai pendatang haram. UNHCR akan mendaftar kanak-kanak yang dilahirkan oleh pelarian. Perkahwinan antara orang Islam dengan orang bukan Islam secara rasminya tidak sah. Pasangan yang berkahwin sedemikian menghadapi kesukaran ketika

mendaftar kelahiran anak dari segi mengiktiraf taraf bapa kerana perkahwinan tersebut dianggap tidak sah. Kanak-kanak tanpa sijil kelahiran tidak mendapat taraf kerakyatan dan dinafikan kelayakan untuk masuk ke sekolah awam mahupun swasta. Kanak-kanak tanpa kerakyatan (seperti bukan warganegara) dikenakan bayaran perubatan yang lebih tinggi, dan ini menimbulkan kesusahan hidup.

Meskipun pendidikan sekolah rendah diwajibkan, namun tiada mekanisme penguatkuasaan diwujudkan untuk mengawal kehadiran kanak-kanak di sekolah.

Kerajaan mengakui bahawa eksploitasi seks kanak-kanak dan sumbang muhrim terutama di kawasan luar bandar adalah satu masalah. Undang-undang menetapkan penjara antara enam hingga 20 tahun dan hukuman sebat bagi orang yang disabit dengan kesalahan sumbang muhrim. Keterangan yang diberi oleh kanak-kanak hanya dapat diterima jika ada bukti sokongan. Ini menimbulkan kesukaran bagi kes gangguan seksual di mana mangsa kanak-kanak tersebut adalah satu-satunya saksi.

Sunat untuk wanita merupakan amalan rutin yang dilaporkan berlaku di kalangan orang Melayu Islam. Pada November 2009, portal berita online tempatan Malaysiakini melaporkan bahawa “di Malaysia, sunat wanita merujuk pada tindakan membuat goresan kecil atau menggunakan pisau tajam untuk menoreh kulit prepus vagina. Ia biasanya dilakukan pada bayi yang lahir beberapa bulan oleh doktor atau bidan.”

Pada 4 Disember, Siti Mariam Mahmood yang berumur 14 tahun berkahwin Abdul Manan Othman yang berumur 23 tahun di sebuah masjid di Kuala Lumpur sebagai sebahagian daripada 250 pasangan yang berkahwin beramai-ramai. Pasangan itu dilaporkan pertama kali menikah pada bulan Julai setelah mendapat izin daripada mahkamah syariah. Pada 6 Disember, Menteri Wanita Shahrizat Abdul Jalil berkata kerajaan tidak menerima perkahwinan kanak-kanak dan berjanji akan melihat isu tersebut. Namun, pada 8 Disember, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Nazri Aziz berkata bahawa Islam membenarkan perkahwinan di bawah umur dan kerajaan tidak bercadang untuk melarang atau menyemak undang-undang. Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengenai Hal Ehwal Islam Jamil Khir Baharom dilaporkan mengalu-alukan perkahwinan tersebut. Usia minimum perkahwinan untuk lelaki adalah 18 tahun; gadis Islam di bawah usia 16 tahun boleh berkahwin dengan keizinan daripada mahkamah syariah, tetapi perkahwinan seperti itu jarang berlaku. Dua orang gadis, berumur 10 dan 11 tahun, dilaporkan berkahwin dengan lelaki yang lebih tua di negeri Kelantan pada tahun laporan.

Rogol statutori berlaku dan pesalah didakwa. Menurut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, ramai mangsa berusia di bawah 15 tahun. Sungguhpun begitu, peruntukan undang-undang Islam yang menganggap gadis Islam yang sudah datang haid sebagai wanita dewasa adakalanya merumitkan pendakwaan bagi kes rogol statutori. Gadis tersebut boleh didakwa berkhawat, iaitu satu kesalahan di bawah undang-undang syariah, walaupun dia belum mencapai usia 18 tahun dan pasangannya seorang dewasa. Mahkamah syariah kadangkala bersikap lebih lembut dengan lelaki yang didakwa berkhawat, walaupun terdapat banyak kes di mana lelaki Islam telah didakwa dan dihukum atas kesalahan rogol statutori di bawah undang-undang sivil.

Pelacuran kanak-kanak memang wujud tetapi pelacur kanak-kanak seringkali dianggap sebagai budak jahat atau pendatang haram dan bukan mangsa.

Sabah mempunyai masalah kanak-kanak jalanan. Anggaran bilangan adalah antara beberapa ratus hingga 15,000 kanak-kanak yang dilahirkan di negara ini yang ibu bapa mereka adalah pendatang haram. Ada di

kalangan mereka yang diusir. Kanak-kanak ini tiada kerakyatan dan tidak mendapat bantuan kerajaan. Mereka kerap kali terpaksa melakukan kerja buruh kasar, kegiatan jenayah, dan pelacuran untuk menyara hidup. Perneragangan kanak-kanak masih menjadi satu masalah.

Negara ini bukan merupakan pihak pada Konvensyen Hague mengenai Aspek Sivil tentang Penculikan Kanak-kanak Antarabangsa 1980. Untuk maklumat tentang penculikan antarabangsa kanak-kanak daripada ibu bapa, sila lihat laporan tahunan Jabatan Negara mengenai pematuhan di http://travel.state.gov/abduction/country/country_3781.html.

Anti-Semistisme

Tidak terdapat anggaran boleh dipercayai tentang bilangan penduduk Yahudi di negara ini dan tiada masyarakat Yahudi atau saumaah tempatan yang terdapat di sini. Tidak ada laporan tentang tindakan anti-Semistisme.

Perneragangan Orang

Untuk maklumat tentang perneragangan orang, sila lihat Laporan Perneragangan Orang Tahunan Jabatan Negera di www.state.gov/g/tip.

Orang Kurang Upaya

Perlembagaan mahupun undang-undang tidak melarang secara khusus diskriminasi yang berlandaskan ketidakupayaan fizikal atau mental. Namun demikian, pihak kerajaan menggalakkan penerimaan dan integrasi orang kurang upaya oleh masyarakat awam.

Pihak kerajaan tidak mendiskriminasi orang kurang upaya dari segi pekerjaan, pendidikan, akses kepada perkhidmatan kesihatan, atau peruntukan perkhidmatan kerajaan yang lain. Peraturan sektor awam memperuntukkan 1 peratus daripada pekerjaan sektor awam kepada orang kurang upaya. Kerajaan tidak mewajibkan penyediaan kemudahan pengangkutan bagi orang kurang upaya dan hanya sebilangan kecil kemudahan awam telah diubahsuai untuk orang kurang upaya. Bangunan-bangunan baru milik kerajaan secara umumnya dilengkapi dengan pelbagai kemudahan untuk orang kurang upaya.

Satu peraturan amalan menjadi garis panduan kepada semua agensi kerajaan, para majikan, persatuan pekerja, para pekerja dan pihak-pihak lain bagi menempatkan orang kurang upaya yang berkelayakan dalam sektor swasta.

Sekolah yang menawarkan pendidikan khas wujud namun tidak dapat menampung segala keperluan penduduk kurang upaya.

Pihak kerajaan telah mengambil langkah-langkah bagi menggalakkan penerimaan orang kurang upaya oleh masyarakat, memudahkan penggunaan kemudahan awam oleh golongan ini dan menambahkan peruntukan bajet bagi program yang disasarkan untuk membantu mereka. Memandangkan kebanyakan pengangkutan awam tidak menyediakan kemudahan yang "mesra orang kurang upaya", pihak kerajaan telah mengekalkan pengurangan duti eksais sebanyak 50 peratus bagi kereta dan motosikal keluaran tempatan yang diubahsuai untuk golongan ini. Kementerian Sumber Manusia bertanggungjawab terhadap perlindungan hak asasi golongan kurang upaya.

Akta Orang Kurang Upaya 2008 mengiktiraf hak-hak orang kurang upaya untuk menikmati faedah pengangkutan awam, perumahan, pendidikan, pekerjaan dan penjagaan kesihatan. Namun, tidak ada hukuman bagi mereka yang tidak mematuhi peruntukan-peruntukan akta ini. Sebagai contoh, walaupun terdapat undang-undang kecil yang mewajibkan bangunan baru menyediakan akses untuk orang kurang upaya, wujud kelemahan yang membenarkan pihak berkuasa tempatan untuk mengecualikan pematuhan. Pengkritik memanggil akta ini sebagai “harimau tak bertaring.”

Bangsa/Kaum/Etnik Minoriti

Undang-undang dan dasar kerajaan banyak menyediakan program istimewa yang dibuat untuk meningkatkan kedudukan ekonomi orang Melayu atau bumiputera yang merupakan majoriti penduduk. Program-program sedemikian menghadkan peluang golongan bukan bumiputera dalam pendidikan tinggi, pekerjaan di sektor awam, permit dan lesen perniagaan serta pemilikan tanah. Perniagaan tertakluk kepada syarat-syarat berasaskan kaum yang menghadkan peluang pekerjaan serta peluang-peluang ekonomi lain kepada warganegara bukan bumiputera. Menurut kerajaan, program-program ini perlu untuk menjamin keharmonian etnik dan kestabilan politik.

Walaupun matlamat kerajaan adalah untuk mengurangkan kadar kemiskinan, namun dasar-dasar berasaskan kaum ini tidak mengambil kira had bagi golongan yang berpendapatan tinggi dan ini kelihatan telah menyumbang kepada peningkatan jurang perbezaan di kalangan masyarakat bumiputera. Etnik India, yang tidak menerima hak-hak istimewa seperti itu, kekal menjadi di antara kumpulan termiskin di dalam negara. Satu lagi matlamat dasar ini adalah supaya bumiputera memperoleh 30 peratus daripada kekayaan negara. Mengikut beberapa kajian yang dibuat, program tersebut telah mencapai atau melebihi sasaran tersebut. Namun demikian, perangkaan rasmi kerajaan meletakkan ekuiti bumiputera pada 18.9 peratus. Pihak kerajaan tidak memberikan jawapan terhadap permintaan orang awam untuk mengemukakan kaedah yang digunakan.

Pada 30 Mac, Perdana Menteri melancarkan Model Baru Ekonomi, satu agenda reformasi dasar ekonomi yang menyeru, antara lain, penstrukturan semula sistem yang memberi keutamaan pada etnik bumiputera untuk mengurangkan layanan tak sama rata atas bangsa-bangsa lain yang berbeza oleh kerajaan. Perdana Menteri menyebut reformasi ini sebagai cara lebih baik untuk menyasarkan subsidi dan keutamaan kepada rakyat miskin tanpa mengira bangsa. Kumpulan hak-hak bumiputera konservatif menyatakan bantahan yang kuat terhadap sebarang perubahan yang boleh mengancam program yang memberi keutamaan kepada bangsa Melayu.

Pada April 2009, Perdana Menteri Najib mengumumkan bahawa kerajaan telah memansuhkan syarat 30 peratus ekuiti Bumiputera untuk 27 sektor kecil perkhidmatan termasuk sektor kesihatan, sosial, pelancongan, perniagaan, dan perkhidmatan komputer. Memandangkan ruang lingkup yang sempit bagi sektor kecil ini, pemerhati menganggap pengumuman itu sebagai penyesuaian kecil dalam dasar-dasar ekonomi pro-Melayu yang sudah berakar.

Sepanjang tahun laporan, PAS, salah satu parti gabungan pembangkang, menyokong pembentukan Kongres Penyokong PAS yang ahli-ahlinya terdiri daripada bukan Islam sebagai sayap rasmi parti. Perlembagaan PAS menetapkan bahawa hanya orang Islam boleh menjadi ahli. Namun wakil-wakil dari Kongres Penyokong PAS dibenarkan untuk memegang jawatan dalam majlis tertinggi parti.

Penduduk Pribumi

Penduduk pribumi (keturunan penduduk asal Semenanjung Malaysia dan Borneo seperti kaum Penan) umumnya menikmati hak perlembagaan yang sama seperti rakyat Malaysia yang lain. Walau bagaimanapun, dari segi amalannya undang-undang persekutuan berkaitan penduduk pribumi di semenanjung, dikenali sebagai Orang Asli, memberi kuasa yang besar kepada Menteri Pembangunan Luar bandar yang bukan berketurunan Orang Asli untuk melindungi, mengawal, dan membuat keputusan untuk isu-isu yang melibatkan kaum itu. Oleh itu, penduduk pribumi di Semenanjung Malaysia tidak terlibat dalam sebarang keputusan yang melibatkan mereka. Pihak kerajaan tidak melindungi hak-hak sivil dan politik penduduk pribumi secara berkesan.

Orang Asli, yang berjumlah sekitar 150,000 orang, merupakan golongan termiskin di negara ini. Mengikut Rancangan Malaysia ke-10 yang merangkumi tahun 2010-15, 50 peratus daripada 29,990 isi rumah Orang Asli hidup di bawah garis kemiskinan. Daripada jumlah tersebut, sekitar 5,700 isi rumah (19 peratus) dianggap “miskin tegar.” Sebuah NGO tempatan yang menumpu pada hak-hak Orang Asli menganggarkan bahawa angka-angka ini tidak melaporkan dengan betul jumlah mereka yang hidup dalam kemiskinan kerana ia mengambil kira hanya Orang Asli yang tinggal di perkampungan yang telah didirikan - bukan mereka yang tinggal jauh di hutan-hutan. Satu majlis penasihat kebangsaan yang ditaja kerajaan memantau perkembangan Orang Asli, tapi hanya lima daripada 17 ahli majlis adalah Orang Asli. Selain itu, hanya seorang yang berketurunan Orang Asli memegang jawatan pengurusan di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli kerajaan. Di bawah rancangan ekonomi Malaysia Kesembilan yang meliputi tahun 2006-2010, kerajaan memperuntukkan lebih daripada RM377.8 juta untuk projek-projek pembangunan untuk Orang Asli. Projek-projek ini tertumpu kepada peningkatan taraf kesihatan, pendidikan prasekolah, prasarana, dan kegiatan ekonomi. Rancangan ekonomi ini juga memperuntukkan RM100 juta bagi pembangunan tanah yang diduduki Orang Asli dan tambahan RM20 juta untuk mengurangkan tekanan inflasi. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli melaporkan bahawa kadar keciciran sekolah rendah di kalangan anak-anak orang asli menunjukkan penurunan daripada 30 peratus kepada 20 peratus sejak 2008. Selain itu, jumlah pelajar yang keciciran sekolah rendah dan menengah telah menurun daripada 50 peratus menjadi 30 peratus dalam tempoh masa yang sama. Pada tahun 2008, sekitar 600 pelajar Orang Asli melanjutkan pengajian ke kolej atau universiti.

Di bawah Akta Orang Asli, mereka dibenarkan menduduki mana-mana kawasan tanah yang telah ditetapkan sebagai penghuni bebas, namun mereka tidak mempunyai hak pemilikan terhadap tanah itu. Pemerhati-pemerhati melaporkan bahawa jumlah keluasan tanah rizab Orang Asli semakin berkurangan dari tahun ke tahun. Malah, sebahagian tanah yang sebelumnya diwartakan sebagai rizab Orang Asli kini telah dizonkan semula bagi tujuan pembangunan. Meskipun Orang Asli diberi kuasa untuk menduduki tanah ini, hak-hak ini sering tidak didokumentasikan. Perkara ini menyebabkan konfrontasi antara Orang Asli dan syarikat pembalakan. Ketika pihak kerajaan terus membangunkan kawasan-kawasan ini, Orang Asli berjuang untuk hak-hak tanah mereka. Pada tahun 2008, kerajaan mengumumkan akan memberikan hak-hak pemilikan tanah seluas 125,000 hektar tanah luar bandar yang dimiliki kerajaan negeri kepada 20,000 keluarga Orang Asli.

Ketidakpastian hak pemilikan tanah Orang Asli menyebabkan mereka mudah dieksploitasi. Syarikat pembalakan terus mencero bohi tanah warisan kepunyaan Orang Asli dan kumpulan-kumpulan pribumi lain di Borneo. Penduduk pribumi Sabah dan Sarawak terus membantah pencerobohan oleh kerajaan

negeri dan syarikat pembalakan dan perladangan swasta di kawasan tanah yang mereka anggap adalah milik mereka mengikut hak adat bangsa asal.

Undang-undang yang membenarkan perampasan dan pembelian tanah hanya memerlukan notis pemberitahuan disiarkan di akhbar, di mana akses ini mungkin tidak diperoleh oleh kaum pribumi. Pada tahun-tahun sebelumnya, keadaan sedemikian telah mengakibatkan kaum pribumi kehilangan hak terhadap tanah pusaka mereka tanpa berpeluang untuk mengambil tindakan undang-undang. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, keputusan mahkamah mengiktiraf hak milik adat orang asli di tanah telah menyebabkan perlindungan yang lebih besar terhadap hak-hak tanah Orang Asli. Pada tahun 2007 Mahkamah Persekutuan, mahkamah tertinggi negara, mendapati bahawa hak milik adat Orang Asli diiktiraf dalam *common law*.

Petisyen yang dikemukakan oleh puak Semalai (kaum Orang Asli) pada tahun 2007 di Mahkamah Tinggi bagi mengkaji semula perintah pengusiran puak Semalai oleh kerajaan negeri Pahang dari suatu kawasan yang didakwa oleh puak Semalai sebagai tanah tradisi mereka masih tertunggak pada akhir tahun. Pada tahun 2007, suatu tuntutan mahkamah telah difailkan terhadap pihak berkuasa yang didakwa telah merobohkan gereja Orang Asli di Gua Musang. Pada Julai 2009, Mahkamah Tinggi mengisytiharkan bahawa Orang Asli mempunyai hak untuk tanah mereka dan mengamalkan agama pilihan mereka di bawah Perlembagaan Persekutuan. Keputusan mahkamah ini dirayu oleh pihak kerajaan dan kes masih tertunda pada akhir tahun laporan.

Pada 17 Mac, sebuah kumpulan Orang Asli telah mengadakan demonstrasi aman di Putrajaya untuk memprotes terhadap cadangan pindaan Akta Tanah Negara. Pengasas Rangkaian Kampung-kampung Orang Asli, Tijah Yok Chopil, dan Presiden Persatuan Orang Asli Malaysia, Majid Suhut, menyerahkan memorandum yang ditandatangani oleh 12,000 Orang Asli kepada Menteri Pembangunan Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Shafie Apdal, dengan mendakwa bahawa pindaan akta itu mengabaikan hak-hak asas orang asli. Mereka juga menuntut kerajaan untuk mengiktiraf hak mereka atas tanah pusaka.

Pada bulan Mei, suku Temuan memenangi kes mahkamah 15-tahun dan diberikan RM6.5 juta dalam satu penyelesaian mahkamah penting dengan pihak berkuasa lebuhraya kerana mengambil secara paksa tanah pusaka mereka untuk pembangunan. Masyarakat Temuan mengemukakan tuntutan guaman selepas kerajaan secara paksa mengambil 38.5 hektar tanah di Selangor pada tahun 1995 untuk membina jalan raya ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur tanpa membayar pampasan. Pada tahun 2002 mahkamah tinggi memutuskan bahawa Orang Asli menikmati hak pemilikan asal dan perlu dibayar pampasan. Kerajaan Negeri Selangor mengemukakan rayuan atas keputusan pada tahun 2005. Pada bulan Mei, kerajaan negeri menarik balik rayuan selepas perikatan pembangkang mengambil alih Selangor.

Pada 4 Mei, Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah Mohd Shafie Apdal mengumumkan peruntukan RM570 juta untuk pembangunan Orang Asli dan menyatakan kerajaan tidak pernah mengabaikan masyarakat Orang Asli dalam melaksanakan projek-projek infrastruktur dan pembangunan ekonomi. Shafie berkata bahawa 61 peratus daripada penempatan Orang Asli (534 kampung) mempunyai kemudahan asas seperti bekalan elektrik 24 jam, penyediaan air bersih, dan projek-projek pembangunan tanah yang membolehkan mereka memperoleh pendapatan tetap.

Pada 22 September, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menganugerahkan ganti rugi kepada suku-suku Orang Asli di Johor dengan memutuskan bahawa pegawai kerajaan telah menceroboh tanah mereka, merobohkan gereja mereka secara tidak sah, dan gagal untuk menghormati janji tahun 2001 untuk menyenaraikan tanah itu sebagai tanah adat bangsa asal. Pihak berkuasa telah merobohkan gereja pada tahun 2005 dengan mendakwa ia dibina di atas tanah kerajaan negeri.

Kaum Penan yang merupakan masyarakat pribumi di Sarawak menggunakan hak adat bangsa asal untuk mewujudkan pemilikan dan pengawasan tanah. Setiap kumpulan kaum Penan menyelenggarakan kawasan masing-masing yang diturunkan dari generasi ke generasi. Tanah adat bangsa asal tidak sentiasa ditentukan dengan jelas. Kumpulan hak pribumi mendakwa bahawa Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak, telah memajakkan tanah adat kaum Penan dan kaum pribumi yang lain kepada syarikat pembalakan dan pemaju tanah sebagai pertukaran untuk wang dan bantuan politik. Para pemerhati tempatan menyatakan bahawa syarikat pembalakan ini mengganggu dan kadangkala menggugut para pemimpin kaum Penan dan aktivis hak tanah. Persatuan Penan Sarawak terus mendesak kerajaan negeri agar menggariskan sempadan tanah adat asal kaum Penan, menarik lesen pembalakan yang dibuat di tanah mereka, menghentikan pemberian pajakan sementara bagi perladangan, dan menghentikan semua kegiatan pembalakan dan pembangunan ladang di tanah mereka. Kaum Penan merupakan antara golongan termiskin di negara ini dan hidup di bawah garis kemiskinan.

Pada Ogos 2009, ratusan kaum Penan yang bersenjatakan lembing dan sumpit membuat sekatan-sekatan di pedalaman Borneo untuk memprotes kegiatan pembalakan dan perladangan di tanah adat mereka. Pada September 2009, polis merobohkan sekatan-sekatan itu dan menafikan pihaknya menggunakan kekerasan dalam merobohkan sekatan-sekatan tersebut. Kerajaan negeri Sarawak menyetujui beberapa tuntutan kaum Penan dalam usaha untuk menamatkan protes dan sekatan terhadap operasi pembalakan. Kerajaan negeri mengakui aduan ekonomi kaum Penan dan berjanji untuk menyediakan tanah pertanian, air, elektrik, sekolah dan kemudahan kesihatan untuk kaum Penan yang telah menetap ke kampung-kampung, dan untuk membina rumah untuk kaum nomad Penan yang ingin menetap. Kerajaan negeri juga bersetuju untuk menyediakan latihan, bantuan kewangan dan teknikal untuk kaum Penan yang ingin terlibat dalam perladangan pokok getah atau perkebunan, dan untuk mempercepat kadar pemberian sijil kelahiran dan kad pengenalan kepada kaum Penan.

Sebuah pertubuhan NGO antarabangsa yang boleh dipercayai melaporkan bahawa pekerja-pekerja dari dua buah syarikat pembalakan, termasuk satu yang dimiliki keluarga Ketua Menteri, kerap memperkosa wanita dan gadis-gadis Penan yang telah menyebabkan ada di kalangan mereka yang mengandung. Pada September 2009, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat Shahrizat Jalil mengesahkan bahawa gadis-gadis Penan telah diperkosa dan dicabul oleh para pekerja syarikat pembalakan. Menteri tersebut mengumumkan bahawa syarikat pembalakan itu telah dikenalpasti dan polis akan mengambil tindakan lebih lanjut. Selanjutnya, Timbalan Komisioner Polis Sarawak Hamza Taib berkata tiada tindakan lanjut akan diambil terhadap tiga kes tersebut kerana kekurangan bukti, sementara kes keempat masih tertunda kerana polis belum mengenalpasti mangsa atau saksi. Pada 13 Julai, Shahrizat telah melawat masyarakat Penan dan mendesak pihak polis untuk mengambil serius kes ini.

Pencabulan Sosial, Diskriminasi, dan Tindakan Kekerasan Berdasarkan Orientasi Seks dan Identiti Jantina

Walaupun tidak ada undang-undang yang melarang perilaku homoseksual, undang-undang terhadap liwat dan “persetubuhan di luar tabii” wujud dan dikuatkuasakan sekali sekala. Larangan agama dan budaya terhadap perilaku homoseksual adalah meluas. Sebagai contoh, seorang pegawai Kementerian Kesihatan membuat kenyataan pada tahun itu bahawa aktiviti homoseksual dan pelancapan membantu penyebaran jangkitan H1N1.

Pada 21 Disember, seorang lelaki Islam berumur 32 tahun telah mengaku seorang gay dalam sebuah video yang dikirim di laman web YouTube. Dalam video berjudul “Saya Gay, Saya OK,” lelaki itu menggalakkan individu-individu gay lain untuk yakin dengan diri mereka sendiri. Dalam masa enam hari, video itu telah dilihat lebih daripada 140,000 kali. Lelaki itu menerima ancaman bunuh secara online akibat daripada penyiaran video itu dan menyatakan bahawa dia takut dibunuh. Mufti Perak Harussani Zakaria mengutuk video itu dan berkata bahawa individu telah “mempersendakan maruahnyanya sendiri dan Islam secara umum.”

Diskriminasi dan Penganiayaan Masyarakat Yang Lain

Maklumbalas kerajaan terhadap HIV/AIDS umumnya tidak bersifat diskriminasi, walaupun pengaiban terhadap penghidap AIDS adalah lazim. Pada tahun 2008, Timbalan Perdana Menteri mengumumkan bahawa kursus sebelum perkahwinan yang perlu diambil oleh orang Islam oleh Majlis Agama Islam Persekutuan akan memasukkan pemeriksaan wajib HIV. Orang bukan Islam digalakkan untuk ikut sama tapi tidak diwajibkan. Beliau menyifatkan pemeriksaan ini perlu kerana meningkatnya kadar jangkitan HIV di kalangan wanita. Menurut Menteri Kesihatan, terdapat sekitar 3,100 kes baru sepanjang tahun.

Bahagian 7 Hak Pekerja

a. Hak Berpersatuan

Menurut undang-undang, kebanyakan pekerja mempunyai hak untuk melibatkan diri dalam kegiatan persatuan sekerja tetapi Akta Kesatuan Sekerja (AKS) dan Akta Perhubungan Industri (API) mengehadkan hak ini. Undang-undang lain juga boleh mengehad kebebasan berpersatuan. Misalnya, Kanun Keseksaan mewajibkan penganjuran perhimpunan umum lebih daripada lima orang mendapat kebenaran polis. Kesatuan sekerja mewakili 8.9 peratus daripada tenaga kerja, dengan jumlah ahli 803,405 sehingga Oktober, satu penurunan daripada 805,654 pada tahun 2009. Pada bulan Disember, Jabatan Statistik melaporkan jumlah penduduk umur bekerja iaitu individu yang berusia 15-64 tahun adalah 11,569,400. Sehingga Oktober, terdapat 693 organisasi kesatuan sekerja: 319 kesatuan sekerja yang mewakili industri perkhidmatan; 57 mewakili industri pertanian, perhutanan dan perikanan; dan 170 mewakili industri pengeluaran.

Mereka yang dihalang oleh undang-undang daripada menyertai mana-mana kesatuan termasuk pekerja sektor awam yang dikategorikan sebagai “sulit, pengurusan, dan eksekutif” dan pegawai tentera dan polis. Walau bagaimanapun, pindaan API tahun 2007 menyukarkan lagi pembentukan persatuan oleh para pekerja kerana Ketua Pengarah dan Menteri mempunyai kuasa mutlak untuk menentukan taraf pekerja sebagai “sulit,” “pengurusan,” atau “eksekutif,” dan ini boleh disalahgunakan oleh majikan. Secara teori, pekerja asing boleh menganggotai kesatuan sekerja. Namun, Jabatan Imigresen menghalang pekerja asing daripada memegang jawatan dalam kesatuan sekerja dan kebanyakan kontrak pekerja asing melarang mereka daripada menjadi ahli kesatuan sekerja.

AKS melarang mengganggu, menghalang, atau mengugut pekerja dalam melaksanakan hak untuk membentuk kesatuan sekerja atau menyertai kegiatan-kegiatan kesatuan sekerja yang sah. Walau bagaimanapun, akta ini menghadkan sesebuah persatuan mewakili pekerja dalam “syarikat, perdagangan, pekerjaan atau industri yang tertentu atau dalam mana-mana perdagangan, pekerjaan atau industri yang serupa.” Selain itu, Ketua Pengarah di kesatuan-kesatuan sekerja boleh menafikan pendaftaran kesatuan sekerja atas budi bicaranya, dan menarik balik pendaftaran kesatuan sekerja sedia ada berdasarkan peruntukan yang digariskan dalam akta ini. Apabila pendaftaran ditolak, ditarik balik atau dibatalkan, maka kesatuan sekerja itu dianggap sebagai pertubuhan haram. Tiada sebarang laporan dikemukakan tentang tindakan sedemikian pada tahun laporan.

Para pegawai MTUC masih menyuarakan rasa kecewa mereka tentang kelewatan menyelesaikan pertikaian berkaitan pengiktirafan kesatuan. Walaupun API memerlukan majikan memberi maklum balas terhadap permohonan iktiraf sesebuah kesatuan dalam tempoh 21 hari selepas permohonan, namun penolakan permohonan dan kesatuan tidak diiktiraf selama satu hingga empat tahun biasa berlaku. Jika majikan tidak memberi maklum balas kepada permohonan kesatuan dalam tempoh 21 hari, pihak kesatuan perlu menghantar rayuan bertulis kepada Ketua Pengarah Kesatuan-kesatuan Sekerja dalam tempoh 14 hari. Kegagalan berbuat demikian dalam tempoh masa yang ditetapkan akan menyebabkan kesatuan tersebut tidak diiktiraf secara automatik. Akta ini menafikan hak kesatuan pekerja dan individu untuk melakukan mogok bagi membantah ketidakiktirafan kesatuan mereka.

Kesatuan sekerja daripada industri-industri yang berbeza, kecuali sektor elektronik, boleh menyertai kongres kebangsaan tetapi kongres tersebut mesti didaftarkan secara berasingan sebagai persatuan di bawah Akta Pertubuhan.

Sebelum ini, dasar kerajaan menghalang penubuhan kesatuan sekerja kebangsaan dalam sektor elektronik, yang merupakan industri terbesar negara, kerana sektor ini mempunyai “taraf perintis” yang diberi insentif pelaburan tertentu. Alasan kerajaan adalah penubuhan kesatuan sekerja kebangsaan dalam sektor elektronik akan menghalang pelaburan langsung dari luar negara dan memberikan kesan negatif terhadap daya saing negara dalam sektor tersebut di peringkat antarabangsa. Para pemimpin kerajaan menyatakan kesatuan sekerja pada peringkat syarikat lebih sesuai untuk industri elektronik. Namun, pada Mei 2009, Kabinet meluluskan pembentukan kesatuan sekerja untuk industri elektronik bagi kawasan Semenanjung Malaysia.

Kesatuan sekerja bebas daripada kawalan kerajaan dan parti politik. Namun, ahli-ahli individu persatuan boleh menganggotai parti politik. Walaupun pegawai kesatuan dilarang oleh undang-undang untuk memegang jawatan utama dalam parti politik, namun ada pemimpin kesatuan sekerja yang pernah menjadi ahli parlimen. Kesatuan sekerja bebas untuk bersekutu dengan kongres buruh kebangsaan yang melaksanakan sebahagian besar tanggungjawab kesatuan buruh kebangsaan walaupun mereka tidak boleh berunding bagi pihak kesatuan tempatan.

Kesatuan sekerja dibenarkan bergabung dengan pertubuhan kesatuan sekerja antarabangsa seperti Persekutuan Kesatuan Sedunia dan Gabungan Kesatuan Perdagangan Antarabangsa setelah mendapat kebenaran daripada Ketua Pengarah Kesatuan-kesatuan Sekerja.

Walaupun mogok sektor swasta adalah sah di sisi undang-undang, namun hak untuk mogok adalah sangat terhad. Mogok atau sekatan masuk kerja dilarang sama sekali semasa pertikaian sedang dibicarakan di

mahkamah perusahaan. Undang-undang mengandungi satu senarai “perkhidmatan penting” yang mana pihak kesatuan mesti memberi notis awal tentang sebarang tindakan perusahaan yang akan diambil. API senarai pelbagai jenis pekerjaan di bawah perkhidmatan penting, termasuk: perkhidmatan perbankan; perkhidmatan elektrik; perkhidmatan bomba; perkhidmatan pelabuhan, dermaga, dok, dan lapangan terbang; perkhidmatan pos; perkhidmatan penjara; pengeluaran; penapisan, penyimpanan, pembekalan, dan pengedaran bahan bakar dan pelincir; perkhidmatan kesihatan awam, perkhidmatan komunikasi radio; perkhidmatan telegraf, telefon, dan telekomunikasi; perkhidmatan pengangkutan; perkhidmatan air; sebarang perkhidmatan yang disediakan oleh salah satu jabatan kerajaan - kimia, penerbangan awam, kastam dan eksais, imigresen, marin, meteorologi, dan percetakan; dan perkhidmatan yang berkaitan dengan atau yang membantu terhadap pemeliharaan dan fungsi angkatan bersenjata dan PDRM. Senarai ini termasuk sektor yang tidak biasanya dianggap penting dalam definisi Pertubuhan Buruh Antarabangsa. Para pegawai MTUC menyatakan bahawa keperluan yang dikenakan oleh pihak berkuasa terlalu ketat sehingga hampir mustahil untuk mengadakan mogok. Menurut MTUC, tidak ada mogok dibuat sepanjang tahun laporan.

API memerlukan pihak-pihak berkaitan memaklumkan kepada Kementerian Sumber Manusia tentang wujudnya sebarang pertikaian sebelum sebarang tindakan perusahaan boleh diambil. Jabatan Perhubungan Industri di kementerian ini kemudian boleh melibatkan diri secara aktif dalam usaha pendamaian. Jika usaha pendamaian gagal menyelesaikan pertikaian, maka pihak menteri mempunyai kuasa untuk merujuk pertikaian tersebut kepada mahkamah perusahaan. API melarang pihak majikan daripada membuat tindakan balas terhadap mana-mana pekerja yang menyertai aktiviti sah kesatuan sekerja. Namun, dalam banyak kes, peruntukan ini tidak dikuatkuasakan dengan berkesan. API mengehadkan pampasan pekerja kepada maksimum dua tahun dari tarikh pekerja tersebut diberhentikan kerja.

b. Hak Menganjur dan Berunding Secara Kolektif

Pekerja di sektor swasta mempunyai hak undang-undang untuk menganjur dan berunding secara kolektif. Perundingan kolektif diamalkan dengan meluas dalam sektor-sektor di mana tenaga buruhnya bersatu. Namun, pekerja di sektor awam tidak menikmati hak tersebut.

Terdapat dua pertubuhan buruh kebangsaan. MTUC adalah pertubuhan yang dianggotai pelbagai kesatuan sekerja dalam sektor awam dan swasta dan berdaftar di bawah Akta Pertubuhan. Oleh itu, MTUC tidak mempunyai hak untuk membuat perundingan kolektif mahupun mengambil tindakan perusahaan, tetapi MTUC boleh menyediakan sokongan teknikal untuk ahli gabungannya. Pertubuhan kebangsaan yang lain ialah Kongres Kesatuan Sekerja dalam Perkhidmatan Awam dan Sivil (CUEPACS), iaitu persekutuan kesatuan sekerja kakitangan awam yang berdaftar di bawah Akta Kesatuan Sekerja.

CUEPACS termasuk 127 buah kesatuan sekerja kakitangan awam yang berbeza dengan lebih kurang 300,000 ahli daripada satu juta kakitangan awam, yang diwakili oleh kira-kira 160 kesatuan sekerja. Kesatuan guru dianggotai 140,000 orang daripada 300,000 ahli CUEPACS. CUEPACS mengadakan perbincangan dengan pihak kerajaan melalui tiga Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) yang mewakili tiga golongan kakitangan: pengurusan dan profesional, sains dan teknologi, dan am (semua golongan pekerja yang lain seperti kakitangan perkeranian dan sokongan). Kerajaan menubuhkan sistem MBK supaya MBK dapat membentuk badan-badan yang menyatupadukan dan perantara dalam sebarang rundingan

antara kerajaan dan kesatuan-kesatuan bawah naungan CUEPACS. Ahli-ahli MBK dipilih daripada kalangan kesatuan. Walaupun mana-mana ahli kesatuan perkhidmatan awam boleh berjumpa terus dengan pihak kerajaan berkenaan isu-isu kecil yang hanya melibatkan kesatuan tersebut atau ahli-ahlinya, isu-isu yang lebih meluas yang melibatkan seluruh perkhidmatan awam perlu disalurkan kepada CUEPACS dan kemudian kepada mana-mana badan MBK, bergantung kepada jenis kakitangan kerajaan yang terlibat.

CUEPACS mahukan upah minimum bagi kakitangan kerajaan, namun pada akhir tahun laporan, tidak ada upah minimum untuk pekerja sektor awam atau swasta meskipun kenyataan dari pihak kerajaan yang ia sedang mempertimbangkan upah minimum.

Kerajaan mengenakan batasan terhadap perjanjian perundingan kolektif bagi syarikat-syarikat yang memiliki taraf perintis. MTUC terus membantah sekatan perundangan terhadap perundingan kolektif dalam industri perintis.

Dakwaan diskriminasi terhadap pekerja yang terlibat dalam penganjuran kegiatan kesatuan boleh dikemukakan dengan Kementerian Sumber Manusia atau mahkamah perusahaan. Mahkamah perusahaan sangat lembab dalam menghakimi aduan pekerja selepas kegagalan Kementerian Sumber Manusia dalam usaha pendamaian.

Kerajaan berpendirian bahawa isu-isu pemindahan, pembuangan, dan pengembalian jawatan pekerja adalah hak pihak pengurusan. Oleh itu, isu-isu sedemikian terkecuali daripada perundingan kolektif.

Tidak ada undang-undang khusus atau pengecualian daripada undang-undang tenaga kerja biasa di zon pemprosesan eksport. Walaupun taraf perintis sektor elektronik melarang penubuhan kesatuan, namun banyak syarikat mempunyai “kesatuan dalaman” iaitu alternatif yang digemari oleh pihak pengurusan syarikat kerana kesatuan-kesatuan dalaman ini tidak dibenarkan bergabung dengan mana-mana badan naungan kesatuan kebangsaan.

c. Larangan Terhadap Kerja Paksa atau Kerja Wajib

Perlembagaan melarang buruh paksa atau buruh wajib, termasuk kanak-kanak. Namun begitu, terdapat laporan bahawa amalan sedemikian berlaku. Walaupun Akta Pasport Malaysia menjadikan ia satu kesalahan dengan mempunyai pasport orang lain “tanpa kuasa undang-undang,” kewujudan memorandum persefahaman (MoU) yang membolehkan majikan memegang pasport pekerja memberi kuasa perundangan yang mencukupi untuk memenuhi syarat pengecualian ini dalam akta pasport. Oleh itu, undang-undang tidak menghalang para majikan daripada memegang pasport pekerja dengan berkesan, dan secara amalnya majikan memegang pasport pekerja menyebabkan pekerja lebih terdedah terhadap pemerdagangan orang dan kerja paksa. Amalan ini secara berkesan menjadikan sesetengah pekerja asing terperangkap dalam syarikat yang mengambil mereka bekerja. Ajen merekrut meminta bayaran yang kadangkala membuat pekerja asing terdedah kepada ikatan hutang. Beberapa syarikat menggunakan ikatan hutang untuk memaksa pekerja asing bekerja dalam keadaan yang teruk, ancaman dipenjara dan diusir. Akibat berhutang dengan majikan kerana bayaran pengambilan kerja yang terlalu tinggi serta ketiadaan pasport, para pekerja ini dipaksa bekerja lebih masa, diberi upah yang lebih rendah daripada yang dijanjikan, dipotong gaji, dan diberi tempat tinggal yang teruk. Keadaan buruh paksa dilaporkan

berlaku di ladang-ladang getah dan kelapa sawit, kilang-kilang pembuatan komponen komputer, pengeluaran pakaian, restoran dan pembantu rumah.

Aktivis pekerja dan pertubuhan NGO hak asasi manusia melaporkan ikatan hutang diamalkan di sesetengah ladang, di mana seluruh keluarga bangsa India dan pekerja asing ditempatkan ke dalam keadaan buruh paksa.

Sesetengah daripada anggaran 300,000 wanita asing yang bekerja sebagai pembantu rumah mengalami kekerasan fizikal dan dipaksa bekerja dalam keadaan yang teruk, dan sesetengah pembantu rumah kanak-kanak bekerja dalam keadaan yang serupa dengan buruh paksa. Terdapat pembantu rumah tidak dibayar gaji atau dibayar kurang daripada gaji yang dijanjikan. Beberapa wanita yang dianiaya melaporkan majikan mereka memukul mereka, memaksa mereka untuk tidur di lantai dapur, dan memberi mereka makan hanya dari sisa makanan.

Walaupun Malaysia dan Indonesia telah selesai menandatangani satu MoU pada tahun 2006 yang bersetuju, antara lainnya, bahawa pembantu rumah akan dibayar gaji terus kepada mereka, diberi pampasan bagi kecederaan diri, dan diberi masa rehat sebagai pengganti kerja lebih masa, ramai majikan masih membayar gaji mereka kepada agensi pengambilan sebagai pembayaran balik hutang. Pada tahun 2009, kedua-dua negara mula merundingkan MOU baru yang akan menangani isu gaji minimum, memberikan pembantu rumah satu hari cuti seminggu, dan menghapuskan klausa dalam perjanjian yang membolehkan majikan merampas pasport pekerja. Pada 18 Mei, Malaysia dan Indonesia menyatakan semula komitmen untuk menangani isu-isu dengan menandatangani surat hasrat untuk meminda MOU, tapi pada akhir tahun laporan, perjanjian baru tidak dicapai kerana perbezaan pendapat tentang negara mana akan bertanggungjawab atas bayaran yang berkaitan dengan perjalanan, agen, dan bayaran-bayaran lain yang berkaitan.

Pada 19 September, pihak polis telah menahan seorang pasangan di Pulau Pinang kerana didakwa menganiaya pembantu rumah warga Indonesia mereka. Win Faidaa, seorang wanita 26 tahun dari Jawa Timur, mendakwa bahawa dia telah diperkosa oleh majikannya dan dipukul oleh isteri majikannya jika dia menolak ajakan seksual suami wanita itu. Dia mendakwa pasangan itu memukulnya dengan tali pinggang, disimbah dengan air panas, dan diseterika panas. Pada 22 September, perkhidmatan berita tempatan Bernama melaporkan bahawa Menteri Tenaga Kerja dan Transmigrasi Indonesia Muhaimin Iskandar mengumumkan bahawa bakal pembantu rumah dari Indonesia dilarang ke Malaysia sehingga pemerintah Indonesia dapat memastikan keselamatan mereka. Bagaimanapun ramai pembantu rumah dari Indonesia terus tiba di Malaysia secara tidak rasmi.

Pada bulan Jun 2009, mahkamah mendakwa Hau Yuan Tyung dengan tiga tuduhan menganiaya pembantu rumah Indonesiannya, Siti Hajar. Tyung didakwa menyimbah Siti Hajar dengan air panas mendidih serta menyeksa dan membiarkan dia kelaparan. Pada 20 Mei, mahkamah sesyen di Kuala Lumpur mendapati Hau bersalah dan dihukum lapan tahun penjara kerana menyebabkan kecederaan teruk ke atas Siti Hajar. Hakim juga memerintahkan Hau untuk membayar RM5,000 sebagai pampasan kepada Siti Hajar. Tyung merayu terhadap sabitannya itu. Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dijadualkan bersidang pada 25 Januari 2011 untuk memberikan keputusannya.

Pada September 2009, duta besar Indonesia mengumumkan bahawa pihaknya hanya akan memperbaharui pasport pembantu rumah jika pihak majikan bersetuju untuk membayar gaji bulanan minimum sebanyak RM500.

Pada Oktober 2009, Mautik Hani, 26 tahun, seorang wanita warga Indonesia yang bekerja sebagai pembantu rumah di Selangor meninggal dunia akibat kecederaan yang dideritainya dipercayai disebabkan oleh majikannya, A. Murugan. Polis menemui Mautik di bilik mandi terkunci di rumah Murugan. Tangan dan kakinya terikat, dengan luka di seluruh tubuhnya, belakang dan pergelangan tangan yang patah, dan luka serius di kaki kanannya sehingga ternampak tulang. Dia telah dikunci di bilik mandi selama dua hari tanpa diberi makanan. Polis menahan Murugan dan mendakwa dengan pembunuhan. Pada November 2009, dia mengaku tidak bersalah atas pertuduhan. Pada 20 Julai mahkamah tinggi di Kuala Lumpur menjatuhkan hukuman mati dengan menggantung ke atas Murugan kerana membunuh. Rayuan Murugan masih tertunggak sehingga akhir tahun laporan.

Lihat juga Laporan Pemerdagangan Orang Jabatan Negara di www.state.gov/g/tip.

d. Larangan Terhadap Buruh Kanak-kanak dan Umur Minimum Pekerjaan

Undang-undang melarang pengambilan kanak-kanak di bawah umur 14 tahun sebagai pekerja, tetapi dalam keadaan yang tertentu, undang-undang memberikan kelonggaran seperti kerja ringan dalam perusahaan milik keluarga, pekerjaan dalam bidang hiburan awam, bekerja untuk kerajaan di sekolah atau di institusi latihan, atau bekerja sebagai perintis yang diluluskan. Dalam apa keadaan sekalipun, kanak-kanak tidak boleh bekerja melebihi enam jam sehari, melebihi enam hari seminggu atau pada waktu malam.

Kebanyakan buruh kanak-kanak bekerja secara tidak rasmi di sektor pertanian, membantu ibu bapa mereka di ladang. Namun, hanya anggota keluarga yang dewasa sahaja yang menerima upah. Buruh kanak-kanak di bandar kerap digunakan oleh keluarga untuk menjalankan perniagaan makanan, pasar malam, dan industri kecil-kecilan. Pegawai kerajaan tidak menafikan kewujudan buruh kanak-kanak dalam perniagaan milik keluarga, tetapi menegaskan bahawa pekerja asing telah banyak menggantikan buruh kanak-kanak dan peruntukan undang-undang bagi buruh kanak-kanak kini dikuatkuasakan dengan bersungguh-sungguh.

e. Keadaan Kerja Yang Boleh Diterima

Tidak ada peruntukan gaji minimum kebangsaan dikuatkuasakan. Kadar upah yang lazim di pasaran umumnya membolehkan rakyat di negara ini menikmati taraf hidup yang agak baik, tetapi keadaan ini tidak sebegitu bagi para pekerja asing. Majlis penetapan upah ditubuhkan melalui akta tahun 1947 bagi pengesyoran kadar upah minimum di sektor-sektor yang dianggap rendah kadar upahnya, tetapi majlis ini tidak berkesan dalam mempengaruhi kadar upah di mana-mana sektor. Menurut para pegawai MTUC, majlis penetapan upah ini tidak bermesyuarat sejak tahun 1996, dan kadar-kadar upah yang mereka cadangkan sudah lama tidak boleh dipakai lagi.

Pekerja ladang biasanya menerima upah mengikut hasil pengeluaran mereka atau upah harian. Melalui suatu perjanjian tahun 2003, pekerja ladang harus menerima gaji sekurang-kurangnya RM350 sebulan. Penyokong perjanjian ini menyatakan bahawa insentif dan bonus produktiviti meningkatkan gaji lazim kepada hampir-hampir RM700.

Di bawah Akta Pekerjaan, waktu kerja tidak boleh melebihi lapan jam sehari atau 48 jam dalam seminggu bagi setiap minggu kerja yang meliputi enam hari. Setiap minggu kerja mesti meliputi 24 jam waktu rehat. Akta ini juga menetapkan kadar kerja lebih masa dan cuti awam yang diwartakan, cuti tahunan, cuti sakit, dan elaun bersalin. Jabatan Buruh di Kementerian Sumber Manusia bertanggungjawab terhadap penguatkuasaan piawaian ini tetapi masalah kekurangan pegawai pemeriksa menghadkan penguatkuasaan yang ketat.

Pekerja pendatang asing, baik yang sah dan tidak sah, biasanya bekerja dalam keadaan yang sukar, menjalankan kerja yang berbahaya, ditahan gaji oleh majikan, dan tidak mendapat bantuan guaman dalam kes-kes pencabulan kontrak dan penganiayaan. Berikut ini adalah contoh biasa eksploitasi dan penganiayaan pekerja pendatang asing: sebuah syarikat pengambilan tenaga kerja asing merekrut pekerja asing untuk bekerja di sebuah kilang elektronik milik asing di negara ini. Setiap pekerja dibayar sekitar RM5,000 dan menandatangani kontrak yang menjamin pekerjaan untuk jangka masa yang lama (biasanya selama 24 bulan) dengan gaji RM800 sebulan. Pasport mereka dirampas dan mereka dibawa ke sebuah asrama berdekatan kilang. Mereka bekerja di kilang untuk kira-kira satu pertiga daripada tempoh kontrak dengan dibayar gaji yang telah dipersetujui. Namun, apabila kerja di kilang berkurangan, beberapa pekerja dikembalikan kepada syarikat pengambilan pekerja asing, yang kemudian menghantar mereka untuk bekerja di tempat lain, misalnya di restoran, kilang sarung tangan, tempat penternakan ayam itik, dan kilang buah beku yang semua ini bertentangan dengan kontrak mereka. Pada masa ini gaji mereka ditahan oleh majikan.

Pekerja asing, terutamanya pendatang haram, biasanya tidak mendapat hak kepada sistem penghakiman buruh. Walau bagaimanapun, kerajaan menjalankan siasatan terhadap aduan penganiayaan, berusaha memaklumkan para pekerja tentang hak mereka, menggalakkan para pekerja untuk tampil ke depan dengan aduan mereka, dan memberi amaran kepada majikan untuk menghentikan penganiayaan. Seperti majikan lain, kontraktor buruh boleh didakwa kerana melanggar undang-undang. Menurut hasil kaji selidik yang dijalankan pada tahun ini oleh Persekutuan Pengilang Malaysia, purata gaji bulanan pekerja asing dalam sektor perkilangan ialah RM581. Pekerja asing boleh membawa pertikaian berkenaan pekerjaan ke mahkamah perusahaan. Namun, mekanisme ini jarang digunakan. Ini kerana proses ini memakan masa dan sebaik sahaja visa kerja mereka dihentikan, pekerja asing perlu “pas istimewa” untuk tinggal di negara ini. Pas ini sah selama satu bulan dan berharga RM100 untuk diperbaharui. Pembaharuan ini tertakluk kepada budi bicara ketua pengarah imigresen. Pendatang yang memegang pas istimewa tidak dibenarkan untuk bekerja.

Akta Pampasan Pekerja meliputi pekerja tempatan dan pekerja asing. Namun, akta ini tidak menyediakan perlindungan kepada pembantu rumah warga asing. Menurut kerajaan, pembantu rumah warga asing dilindungi di bawah Akta Pekerjaan berkaitan gaji dan penamatan kontrak. Walaupun demikian, golongan pekerja ini terkecuali daripada peruntukan akta yang memastikan mereka menerima satu hari cuti dalam seminggu, lapan jam kerja sehari, dan 48 jam kerja seminggu.

Adakalanya, majikan gagal memenuhi syarat pekerjaan dan menganiayai pembantu rumah mereka. Menurut para pegawai Jabatan Imigresen, hanya pembantu rumah yang berusia antara 25 hingga 45 tahun sahaja dibenarkan masuk ke negara ini. Mereka tidak dibenarkan membawa masuk ahli keluarga ke negara ini ketika mereka bekerja di sini. Syarat-syarat kontrak bagi pembantu rumah Indonesia, yang membentuk kira-kira 90 peratus daripada jumlah pembantu rumah asing, selalunya tidak jelas dan boleh

disalahgunakan. Kontrak yang lazim menetapkan gaji bulanan sebanyak RM450 hingga RM600 tetapi tidak menyatakan bilangan jam kerja dalam sehari. Pertubuhan-pertubuhan NGO melaporkan bahawa ramai pembantu rumah Indonesia dikehendaki bekerja selama 14 hingga 18 jam sehari, tujuh hari seminggu. Kontrak untuk pekerja rumah tangga Filipina termasuk perlindungan yang lebih komprehensif, namun kedua-dua kumpulan pembantu rumah Filipina dan Indonesia kurang tahu hak mereka kerana kekurangan pendidikan.

Sesetengah pekerja mendakwa bahawa majikan mereka menyediakan tempat tinggal yang tidak berperikemanusiaan, menahan gaji mereka, mengambil dokumen perjalanan mereka dan mendera mereka secara fizikal.

Para pekerja berhak mengambil tindakan undang-undang terhadap majikan yang menganiaya mereka. Menurut beberapa pertubuhan NGO, pihak mahkamah biasanya menyebelah pihak pekerja dan memutuskan bahawa pihak majikan mesti membayar segala tunggakan gaji dan ganti rugi kepada plaintif bagi kecederaan yang dialaminya, tetapi penangguhan prosiding dan keputusan mahkamah yang lama kerap menghalang pekerja asing daripada mendapatkan keadilan melalui sistem mahkamah.

Mekanisme bagi pemantauan keadaan di tempat kerja tidak mencukupi. Agensi-agensi buruh swasta, yang mementingkan keuntungan dan kerap melakukan kesalahan penganiayaan, selalunya bertanggungjawab atas penyelesaian kes-kes penganiayaan. Perjanjian buruh dua hala dengan Indonesia tidak memberikan perlindungan yang mencukupi kepada pembantu rumah.

Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan merangkumi semua sektor ekonomi kecuali sektor maritim dan angkatan bersenjata. Akta ini mewujudkan Majlis Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan yang terdiri daripada para pekerja, majikan dan wakil kerajaan bagi menetapkan dasar dan menyelaraskan langkah-langkah keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Pihak majikan dikehendaki mengenalpasti risiko dan mengambil langkah berjaga-jaga, termasuk penyediaan latihan keselamatan kepada pekerja, dan memastikan syarikat yang mempunyai lebih daripada 40 pekerja menubuhkan jawatankuasa keselamatan bersama pihak pengurusan dan pekerja. Akta ini mewajibkan pekerja menggunakan peralatan keselamatan dan bekerjasama dengan majikan untuk memastikan bahawa persekitaran kerja adalah selamat dan sihat. Majikan atau pekerja yang melanggar peruntukan akta ini boleh dikenakan denda yang berat atau penjara sehingga lima tahun. Namun, MTUC mengadu ada sesetengah majikan yang telah melanggar peraturan ini tetapi tidak dihukum. Tidak ada sebarang peruntukan berkanun atau undang-undang tertentu yang memberi hak kepada pekerja untuk menarik diri daripada bekerja di keadaan tempat kerja yang berbahaya tanpa disusuli tindakan buang kerja oleh pihak majikan.

Pada 22 Mac, enam pekerja Filipina meninggal dunia selepas mencium gas karbon monoksida ketika membersihkan tangki di sebuah kilang pemprosesan air di Kota Kinabalu, Sabah. Insiden ini berlaku ketika dua daripada mereka masuk tangki penapisan dan menghidupkan pam untuk mengeluarkan sisa air di dalam. Apabila mereka gagal kembali empat jam kemudian, empat rakan mereka pergi untuk memeriksa mereka dan mendapati mereka tidak sedar di dalam tangki. Satu persatu daripada empat pekerja itu kemudian masuk ke dalam tangki untuk menyelamatkan mereka tetapi lemas kerana gas dan meninggal dunia.

Pada 16 Ogos, Karna Bahabar Gharti Magar, seorang pekerja Nepal, meninggal dunia di dalam JCY SDB BHD Company, sebuah pengeluaran bahagian komputer di Johor Baru. Dia dikatakan jatuh sakit dan

dinafikan rawatan awal oleh pihak syarikat. Susulan kematiannya, 5,000 pekerja asing telah memprotes selama tiga hari sehingga pihak majikan dan syarikat pengambilan pekerja asing bersetuju untuk memberi pampasan RM10,000 kepada keluarga Gharti. Syarikat juga bersetuju untuk memberikan gaji minimum RM546 sebulan bersama-sama dengan perkhidmatan ambulans untuk kes-kes kecemasan dan rawatan segera untuk semua pekerja di sebuah klinik di bangunan kilang. Kementerian Sumber Manusia dilaporkan menyiasat sebab kematian Gharti.